



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.38 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.39 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 56

10 MEI 2025 / 1446 ذوالقعدة 12

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانيسن ايمان

"DAN serulah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang (ke Baitullah) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai-bagai jalan dan ceruk rantaunya yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu kerana penguriaannya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak untuk dijadikan korban, dengan yang demikian makanlah kamu dari daging binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 27 - 28.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam bin Haji Jaffar. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 4)

Berkenan hantar titah perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Friedrich Merz berikutnya pelantikannya sebagai Federal Chancellor, Republik Persekutuan Jerman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Friedrich Merz.

Patuhi peraturan, larangan yang dikuatkuasakan Kerajaan Arab Saudi

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Jumaat, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan sentiasa komited dan terus bekerjasama dengan Kerajaan Arab Saudi dalam mematuhi semua ketetapan dan kehendak yang telah

ditetapkan khususnya dalam pengurusan haji, dan Jabatan Urusan Haji (JUH) adalah merupakan satu-satunya pihak yang berautoriti untuk mengeluarkan visa haji yang sah di negara ini.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan Arab Saudi telah memperketatkan

peraturan kemasukan warga asing ke Arab Saudi dalam usaha mengawal kemasukan jemaah tanpa menggunakan visa haji yang sah.

>> Muka 8



Berita Utama



MEMBACA Surah Yaa Siin, Tahlil sempena Sambutan Hari Bomba Ke-65

Muka 11



MENGUKUHKAN kesepadan sistemik melalui pemupukan budaya kolaboratif

Muka 18



MENGUKUHKAN jalinan kerjasama serantau melalui Mastera

Muka 26



TERAPKAN nilai adab sejak kecil

Muka 28

BERKENAN MENERIMA MENGADAP 13 DELEGASI AMRI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap 13 orang delegasi yang terdiri daripada Menteri-menteri serta wakil Menteri-menteri Negara Anggota ASEAN Yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan, Negara-negara Plus Three, Republik Demokratik Timor-Leste dan juga Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-budaya ASEAN yang berada di negara ini bagi menghadiri Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information-AMRI) dan Persidangan AMRI Plus Three Ke-8.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi, berkenan menerima mengadap 13 orang delegasi yang terdiri daripada Menteri-menteri serta wakil Menteri-menteri Negara Anggota ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan, Negara-negara Plus Three, Republik Demokratik Timor-Leste, dan juga Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-budaya ASEAN yang berada di negara ini bagi menghadiri Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information - AMRI) dan Persidangan AMRI Plus Three Ke-8 yang telah berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong pada 7 hingga 8 Mei 2025.

Pada Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap rombongan Menteri-menteri dan wakil Menteri-menteri Negara Anggota ASEAN, Negara-negara Plus Three, Republik Demokratik Timor-Leste serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-budaya ASEAN, iaitu Minister of Information, Kerajaan Kembuja, Tuan Yang Terutama Neth Pheaktra; Minister of Information, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama

Maung Maung Ohn; Minister attached to the Prime Minister's Office, Thailand, Puan Yang Terutama Jiraporn Sindhuprai; Secretary of State for Social Communication, Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Expedito Loro Dias Ximenes; Timbalan Menteri Komunikasi, Malaysia, Yang Berhormat Teo Nie Ching; Timbalan Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Le Hai Binh; Undersecretary for Integrated Presidential Messaging (under the Presidential Communications Office), Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Michael Lim Ubac; Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-budaya ASEAN, Tuan Yang Terutama San Lwin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Sengdavanah Vongsay; Timbalan Setiausaha (Ekonomi Digital dan Antarabangsa), Kementerian

Penerangan dan Pembangunan Digital, Republik Singapura, Hong Yuen Poon; Director General of Public Communications and Media, Kementerian Komunikasi dan Digital, Republik Indonesia, Puan Fifi Aleyda Yahya; Director-General for International Affairs, Global Strategy Bureau, Ministry of Internal Affairs and Communications, Jepun, Nomura Eigo; dan Deputy Head of the Publicity Department of the Communist Party of China, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Gang.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengurus Persidangan AMRI Ke-17 dan AMRI Plus Three Ke-8; dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra pada majlis tersebut (kanan, bawah kiri).

dapat bersedia secara kolektif dalam menyediakan bahan atau kandungan yang mampu menarik perhatian penonton pada masa akan datang, di samping melabur secara strategik dalam mentransformasi landskap media jangka panjang.

Persidangan AMRI Ke-17 telah meluluskan 'Bandar Seri Begawan Declaration to Reaffirm the ASEAN Ministers Responsible for Information's Commitment to Strategic Progress in Media and Information' dan 'Kuala Lumpur Declaration on Safe and Responsible Use of Social Media Platforms', yang akan seterusnya dihadapkan ke Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 untuk diluluskan oleh pemimpin-pemimpin ASEAN.

Selain itu, Menteri-menteri AMRI juga telah meluluskan 'Joint Media Statement of the 17th AMRI and Related Meetings'.

AMRI merupakan salah satu sektor di bawah Tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, dan bersidang setiap dua tahun.

Persidangan AMRI didahului oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan (SOMRI), dan termasuk mesyuarat-mesyuarat dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea sebagai Rakan Dialog Plus Three.

NBD adalah Pengurus AMRI dan SOMRI pada 2025 hingga 2026.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berbual mesra (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah (kiri sekali dan kiri).

Berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam bin Haji Jaffar (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam bin Haji Jaffar.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mengiringi Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam ialah Pesuruhjaya Tinggi

Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan dan pegawai-pegawai kanan dari ATM.

NBD dan Malaysia mempunyai hubungan diplomatik yang erat lagi mesra sejak Januari 1984 dengan kerjasama pertahanan telah dimeterai secara rasminya melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam kerjasama pertahanan pada 14 Februari 1992.

Lawatan berkenaan melambangkan komitmen untuk sama-sama menekankan kesinambungan kerjasama erat melalui pelbagai kolaborasi pertahanan dua hala dan

pelbagai hala, termasuk operasi keselamatan di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL).

Selain itu, ia turut mencerminkan usaha bersama dalam menyokong peranan penting ASEAN selaku tunjang kepada perpaduan dan kestabilan serantau.

Lawatan berkenaan merupakan lawatan pertama Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam ke NBD sejak dilantik menjadi Panglima ATM pada 31 Januari 2025.

Yang Berbahagia Panglima ATM dan rombongan berada di NBD bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Mei 2025.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Datin Risia binti Sheikh Ali Omar Bajarai yang berlangsung di Istana

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Datin Risia binti Sheikh Ali Omar Bajarai yang berlangsung di Istana



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Datin Risia binti Sheikh Ali Omar Bajarai yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

Nurul Iman.

Mengiringi Yang Berbahagia pada Majlis Mengadap ialah isteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak

Haji Hashim; isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Datin Dayang Ummisyafinah binti Haji Zaini; dan isteri Penasihat Pertahanan Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Zakinah binti Jamaluddin.

MEMPERLUASKAN CAPAIAN AUDIENS, MEMUDAHKAN PERALIHAN KE PLATFORM DIGITAL



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda.

JERUDONG, Rabu, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersabda adalah menjadi satu penghormatan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information - AMRI) pada tahun ini.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berharap agar segala perbincangan diadakan akan membawakan hasil yang bermakna serta kemajuan yang ketara, selaras dengan visi strategik dan arahan yang telah digariskan oleh para pemimpin.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota bersabda demikian pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan AMRI Ke-17 bertempat di Indera Samudra, The Empire Brunei, hari ini.

Terdahulu, dalam sabda, Duli Yang Teramat Mulia menzahirkan penghormatan untuk sama-sama meraikan dalam Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat AMRI yang bertemakan 'Media Advancing Joint Understanding' (MAJU).

Dalam masa yang sama, DYTM juga berkenan merakamkan ucapan selamat datang kepada para tetamu luar negara, AMRI, the ASEAN Senior Officials Responsible for Information, ASEAN Plus Three Dialogue Partners serta para delegasi masing-masing dan juga berkenan mengalum-alukan kehadiran Duta-duta Besar daripada 10 Negara Anggota ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan Republik Demokratik Timor-Leste serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC).

"Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan pada tahun 1967 ini merupakan suatu detik yang amat bersejarah bagi rantau ini dan telah menjadi pemangkin kepada usaha memperkuuh kerjasama dalam bidang ekonomi dan keselamatan dalam kalangan negara-negara anggotanya.

"Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan sokongan penuh terhadap Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini dengan bertemakan 'Inclusivity and Sustainability' yang mencerminkan komitmen kukuh ASEAN dalam memperkasakan ketahanan dan kemakmuran serantau, di samping mempertingkatkan kerjasama serantau dalam menangani cabaran global yang berterusan serta tekanan dari luar," sabda DYTM.

DYTM seterusnya bersabda menantikan penerimaan ASEAN Community Vision 2045 yang dijangka akan diluluskan semasa 46th ASEAN Summit yang akan datang.

Visi ini, sabda DYTM lagi, akan menjadi pelan hala tuju bagi ASEAN dalam tempoh

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

dua dekad akan datang, dengan tujuan memperkuuh ketahanan serta keupayaan menyesuaikan ASEAN dalam landskap global yang sentiasa berkembang, sambil menangani trend baharu yang membawa peluang dan cabaran.

"Bagi memastikan kejayaan visi ini, ia mestи disampaikan secara berkesan kepada masyarakat dengan cara yang dekat dengan kehidupan sehari-hari mereka. Dengan itu, visi ini dapat dihayati dan diterjemahkan daripada sekadar kerangka dasar kepada satu aspirasi bersama yang dikongsi oleh semua lapisan masyarakat.

"Dalam hal ini, AMRI memainkan peranan yang penting. Sejak penubuhannya pada tahun 1989, AMRI telah secara konsisten menyokong visi ASEAN, bukan sahaja dengan menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau tetapi juga dengan memajukan kepada usaha integrasi ASEAN," sabda DYTM.

DYTM bersabda ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada sektor maklumat ASEAN atas sumbangannya dalam meningkatkan literasi di seluruh rantau ini.

Ketika kita terus melangkah ke era digital, sabda DYTM lagi dengan beberapa negara anggota menjadi peneraju dalam inovasi, kadar literasi yang tinggi adalah amat penting dan ia memberi keupayaan kepada rakyat untuk menyusuri dan memanfaatkan ruang digital dengan berkesan.

DYTM dalam sabdanya juga menekankan JPM sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bertujuan untuk memperluaskan capaian audiens dan memudahkan peralihan ke platform digital.

"Saya gembira untuk memaklumkan bahawa NBD adalah merupakan Negara Anggota ASEAN yang pertama menamatkan Analogue Switch Off pada 31 Disember 2017. Ini menandakan satu pencapaian penting dalam peralihan kita ke era penyiaran digital sepenuhnya.

"Walau bagaimanapun, meskipun transformasi digital telah membuka peluang baharu, ia juga membawa kepada cabaran-cabaran baharu," sabda DYTM.

Kepesatan kemajuan teknologi, sabda DYTM lagi terutamanya dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) telah menambah lapisan kerumitan kepada persekitaran dalam talian. Oleh itu, adalah penting bagi sektor maklumat untuk berkembang seiring dengan landskap media yang sentiasa berkembang.

Memandangkan jejak digital ASEAN yang kukuh dan terus berkembang ini, DYTM dalam sabdanya amat teruja menyaksikan AMRI bekerjasama dengan sektor-sektor lain untuk menangani isu-isu ini secara proaktif.

Sabda DYTM lagi, pendekatan sektor ini adalah amat penting dalam memastikan bahawa rantau kita bukan sahaja dapat mengikuti peralihan digital, namun juga dapat melindungi integriti, keterangkuman dan keselamatan masa depan digital bersama.

DYTM percaya bahawa semua usaha ini hanya akan membawa kepada penambahbaikan dalam cara kita merancang strategi dan menyesuaikan diri dengan tren dan cabaran yang akan datang.

Sehubungan itu, DYTM menegaskan semua komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kerjasama serta memberikan sumbangan yang bermakna dan signifikan bagi membuka jalan ke arah perpaduan yang dipertingkatkan dalam azam kolektif untuk menjadi berdaya tahan dan bersiap siaga mendepani cabaran pada masa hadapan.

"Dengan kalimah *Bismillahir Rahamanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan pembukaan Persidangan AMRI Ke-17," sabda DYTM.

Memastikan sektor maklumat ASEAN berdaya tahan, dinamik, responsif



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan (AMRI) Ke-17 dan Mesyuarat-mesyuarat yang Berkaitan di The Empire Brunei (atas dan kanan).

JERUDONG, Rabu, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pagi tadi berkenan

berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information - AMRI) dan Mesyuarat-mesyuarat yang Berkaitan bertempat di The

Empire Brunei.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



Mohd. Yussof.

Semasa majlis pembukaan rasmi tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda yang menzahirkan sokongan kepada Malaysia, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini dengan tema 'Inclusivity and Sustainability' yang menunjukkan komitmen ASEAN

untuk memastikan daya tahan dan kemakmuran serantau, serta mengukuhkan kerjasama dalam menghadapi cabaran global dan tekanan luar yang berterusan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai pada majlis berkenaan.

>> Muka 5

Menyentuh mengenai ASEAN Community Vision 2045 yang dijangka akan diluluskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada bulan Mei tahun ini, DYTM seterusnya bersabda bahawa AMRI mempunyai peranan untuk menyampaikan visi tersebut kepada rakyat, menjadikannya bukan sekadar rangka kerja dasar, tetapi aspirasi bersama untuk semua.

Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus AMRI Ke-17, diikuti dengan ucapan daripada Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) selaku wakil Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama San Lwin.

Tuan Yang Terutama San Lwin dalam ucapannya antara

lain menyatakan sektor maklumat dan media sedang mengalami perubahan pesat.

Menurutnya, kemajuan teknologi, perubahan corak penggunaan media, serta persaingan untuk mendapatkan perhatian, telah mewujudkan pelbagai cabaran seperti lambakan maklumat, penyebaran maklumat salah dan palsu, serta penghakisan identiti budaya.

"Perbincangan yang telah berlangsung sepanjang Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang Bertanggungjawab Ke atas Penerangan (SOMRI) beberapa hari yang lalu, dan sesi perbincangan hari ini dalam kalangan Menteri-menteri AMRI akan menyediakan hala tuju serta strategi penting untuk memastikan sektor maklumat ASEAN terus berdaya tahan, dinamik, responsif dan berorientasikan rakyat, selaras dengan aspirasi kita menuju ke

arah ASEAN sebagai Komuniti Peluang untuk Semua," terangnya.

Pada tahun ini katanya, usaha-usaha pembinaan Komuniti ASEAN akan diperkuatkan lagi melalui Wawasan Komuniti ASEAN 2045 serta empat Pelan Strategik yang akan diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada 26 Mei 2025.

Tuan Yang Terutama menjelaskan kerjasama serantau dalam bidang maklumat dan media telah berkembang kukuh sepanjang tiga dekad sejak Mesyuarat Pertama Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab terhadap Maklumat (AMRI) pada tahun 1989.

Melangkah ke hadapan ujarnya, Pelan Kerja Baharu bagi Maklumat dan Media 2026-2035 serta Pelan Induk Komunikasi ASEAN Ketiga yang sedang dibangunkan, akan menjadi panduan utama kepada kerjasama kita.

Menurut Tuan Yang Terutama lagi, perkembangan dasar yang sedang berjalan kini akan mengukuhkan lagi pertukaran pandangan para Menteri AMRI hari ini berdasarkan tema 'MAJU - Media Memajukan Persefahaman Bersama: Mengubah Peranan Media dalam Memajukan Kerjasama dan Persefahaman di ASEAN'.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri-menteri yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan daripada Negara-negara Anggota ASEAN, Republik Demokratik Timor-Leste, Republik Rakyat China dan Jepun. Juga hadir, Timbalan-timbalan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima pesambah.

menteri di JPM serta Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Majlis tersebut turut diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan yang memperkenalkan kepelbagaiannya warisan seni dan budaya tempatan.

AMRI merupakan salah satu sektor di bawah Tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, di mana Menteri-menteri AMRI bersidang setiap dua tahun.

Persidangan AMRI didahului oleh Mesyuarat SOMRI, dan termasuk mesyuarat-mesyuarat dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea sebagai Rakan Dialog Plus Three. Negara Brunei Darussalam akan menjadi Pengurus AMRI dan SOMRI pada tahun 2025 hingga 2026.

Persidangan AMRI Ke-17 dan Mesyuarat-mesyuarat

yang Berkaitan berlangsung pada 4 hingga 9 Mei 2025 di The Empire Brunei.

Tema AMRI sepanjang kepengerusian Negara Brunei Darussalam ialah 'MAJU - Media Advancing Joint Understanding' di mana AMRI akan terus meningkatkan dan menegakkan ikatan perpaduan serantau yang sedia ada, dan menyelaraskan tujuan strategik AMRI dalam membimbing inisiatif-inisiatif sektor maklumat ke hadapan.

Tema persidangan turut memberi tumpuan kepada usaha memajukan kerjasama dalam menjangka masa depan media dan penyiaran ASEAN.

Pendekatan tersebut bertujuan untuk memastikan AMRI dapat bersedia secara kolektif dalam menyediakan bahan atau kandungan yang mampu menarik perhatian penonton pada masa akan datang, di samping melabur secara strategik dalam transformasi media jangka panjang.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan.



ANTARA persembahan pada majlis berkenaan (kiri, tengah dan kanan).

MOHON PERLINDUNGAN, KEMUDAHAN BAKAL JEMAAH HAJI KHEU

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi 86 orang bakal jemaah haji (atas, atas kanan dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mei. - Sebagai tanda kesyukuran dan bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'alaa agar para bakal jemaah haji sentiasa diberikan perlindungan, keselamatan, kemudahan dalam segala urusan serta memperoleh haji yang mabruur, Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU) pada hari ini telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi 86 orang bakal jemaah haji.

Daripada jumlah tersebut, 66 orang merupakan pegawai dan kakitangan di bawah KHEU, manakala 20 orang lagi adalah saudara baharu (mualaf) terpilih



yang akan menunaikan fardu haji ke tanah suci tahun ini.

Majlis berlangsung di Dewan Muttaqa, Bangunan Tambahan KHEU, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan

Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan tazkirah bertajuk 'Roh Ibadah Haji' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, KUPU SB, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada para bakal jemaah haji yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Dalam majlis yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat baginda, khususnya dalam mempermudahkan pelaksanaan rukur Islam kelima di negara ini.

Di samping itu, pengagihan zakat melalui Asnaf Mualaf ini diharap dapat mengukuhkan keimanan, meningkatkan penghayatan beragama serta menanamkan rasa syukur dalam kalangan saudara baharu atas nikmat menjadi tetamu Allah pada musim haji kali ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; ketua-ketua jabatan, para pegawai serta bakal jemaah haji yang diraikan.



Perkasa kemahiran literasi maklumat, transformasi digital ASEAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi AMRI Ke-17 dalam sembah alu-aluannya.

JERUDONG, Rabu, 7 Mei. - Sejak tahun 2017, pelbagai usaha signifikan telah dilaksanakan bagi menangani cabaran berkaitan berita palsu dan maklumat yang mengelirukan.

Sesi Meja Bulat telah dianjurkan mengenai Berita Palsu dan

Penyampaian Maklumat yang Tepat, menerima pakai Rangka Kerja dan Pengisytiharan Bersama bagi Mengurangkan Kesan Buruk Berita Palsu, serta menubuhkan Pasukan Petugas Mengenai Berita Palsu.

Di samping itu, dasar dan inisiatif projek turut dibangunkan bagi melengkapkan warganegara ASEAN dengan kemahiran berfikir secara kritis, agar mereka mampu menilai dan membezakan maklumat yang boleh dipercayai.

Perkara tersebut telah digarisaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information-AMRI) dalam sembah alu-aluannya semasa Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan AMRI Ke-17 dan Mesyuarat-mesyuarat yang

Berkaitan bertempat di The Empire Brunei, pagi tadi.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini jelas Yang Berhormat, kita berdepan dengan cabaran luar biasa yang berpunca daripada landskap media yang semakin berkembang.

Antara cabaran tersebut katanya, termasuklah ucapan kebencian serta penyebaran maklumat salah, maklumat yang mengelirukan dan yang dimanipulasi di mana semuanya didorong oleh penggunaan media secara tidak beretika, termasuk melalui inovasi seperti Kecerdasan Buatan (AI), kandungan yang dijana oleh AI serta media sintetik.

Justeru, ujar Yang Berhormat, adalah menjadi keutamaan untuk kita membangunkan persekitaran maklumat dan media yang selamat dengan menekankan tanggungjawab sosial yang lebih tinggi.

Yang Berhormat menegaskan sektor maklumat di ASEAN memanfaatkan pelbagai platform media, termasuk media cetak,

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

penyiaran, pengiklanan, dan internet, bagi menyebarkan maklumat serta memupuk persefahaman serantau.

"Setiap tahun, pelbagai program dilaksanakan, daripada bengkel dan persidangan, kepada pertandingan serta latihan pembangunan kapasiti.

Inisiatif jangka panjang seperti Berita Televisyen ASEAN yang diketuai oleh Brunei, Voice of ASEAN - Beyond Boundaries, dan siri Kuiz ASEAN terus memainkan peranan penting dalam memperkuuh jaringan kerjasama media serantau, mempromosikan toleransi terhadap kepelbagaiannya budaya, serta memanfaatkan kemajuan teknologi ICT untuk meningkatkan kesedaran dan rasa kebersamaan dalam kalangan rakyat ASEAN," jelasnya.

Diluar usaha memupuk semangat Komuniti ASEAN katanya, sektor maklumat juga berperanan penting

dalam meningkatkan tahap literasi serantau.

Kini, seiring dengan lonjakan transformasi digital oleh negara-negara anggota, AMRI dan SOMRI sedang mengambil langkah-langkah konkrit untuk memperkasa kemahiran literasi maklumat dan media rakyat ASEAN agar mereka dapat mengharungi era digital dengan lebih yakin dan berdaya saing.

Melangkah ke hadapan, Yang Berhormat yakin bahawa tema ini akan terus memperkuuh kesatuan serantau serta membantu merangka hala tuju strategik AMRI dalam mendepani masa depan media dan penyiaran di ASEAN.

Tambahnya, ini akan membolehkan kita bersedia secara kolektif terhadap keperluan audiens masa hadapan serta melabur secara strategik dalam transformasi jangka panjang sektor media serantau.

PATUHI PERATURAN, LARANGAN YANG DIKUATKUASAKAN KERAJAAN ARAB SAUDI

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Usaha berkenaan bertujuan untuk memastikan keselamatan, kemaslahatan dan kebijakan jemaah haji sentiasa terjaga, mengelakkan kepadatan yang berlebihan, dan manasik haji dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika berucap pada Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bakal Jemaah Haji NBD yang diadakan petang tadi bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC),

di sini.

Yang Berhormat seterusnya juga mengingatkan bahawa pematuhan peraturan-peraturan berkenaan adalah sangat penting bagi menjaga imej negara agar tidak tercemar di samping menjaga reputasi pengurusan jemaah haji negara yang memang diketahui patuh atas segala peraturan yang ditetapkan serta memastikan pengurusan haji pada masa akan datang tidak terjejas.

Tambah Yang Berhormat lagi, Kerajaan Arab Saudi mengambil perhatian yang sangat serius dalam perkara berkenaan dan akan mengenakan tindakan-tindakan bagi sesiapa yang didapati mengerjakan haji tanpa menggunakan visa haji yang sah, iaitu denda sehingga SAR20,000, dan diusir dari Arab Saudi serta

ditegah masuk ke Arab Saudi bagi tempoh 10 tahun.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tegas Yang Berhormat, sangat komited dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam memastikan semua pihak mematuhi peraturan dan larangan yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan Arab Saudi berkenaan.

Yang Berhormat sukacita mengingatkan kepada rakyat dan penduduk serta syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan haji di negara ini untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Antaranya dengan melaksanakan ibadat haji dengan visa haji yang sah, semua pergerakan jemaah haji di Arab Saudi mengikut jadual waktu yang ditentukan, sentiasa memakai kad

Nusuk, iaitu kad pengenalan diri jemaah haji yang disediakan oleh Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi di mana sahaja jemaah haji berada dan pada bila-bila masa bagi memudahkan urusan-urusan pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi dan juga urusan perjalanan masuk ke Mashaer (Arafah dan Mina) dan Masjidil Haram; dan masuk ke Raudhah dengan permit yang sah.

Mematuhi peraturan dan larangan Kerajaan Arab Saudi berkenaan penting jelas Yang Berhormat lagi, bagi menjaga imej negara agar tidak tercemar, mengekalkan reputasi pengurusan jemaah haji negara yang diketahui patuh atas semua peraturan yang ditetapkan, dan yang penting sekali, memastikan pengurusan haji di masa akan datang tidak terjejas.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika berucap pada majlis tersebut.

Selain itu kata Yang Berhormat lagi, adalah bagi mengelakkan keistimewaan-keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi NBD seperti penggunaan Visa Pelancong Arab Saudi ditarik balik.

Doa Selamat mohon perlindungan, keselamatan bakal jemaah haji



BERAKAS, Jumaat, 9 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) petang tadi mengadakan Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Majlis berkenaan bertujuan bagi

meraikan bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446H / 2025M dan juga memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar para jemaah sentiasa berada dalam lindungan dan keselamatan serta diper mudahkan segala urusan sepanjang melaksanakan manasik haji.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kunchang, yang juga turut memimpin bacaan Doa Selamat.

Sejurus itu, ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Atur cara diakhiri dengan Majlis

Ramah Mesra bersama para bakal jemaah haji dan seterusnya menikmati jamuan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan;

dan Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam (NBD), Hani Yahya Maghrabi.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri dan kanan).

73 BAKAL JEMAAH HAJI KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA SUMBANGAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Mei. - Kementerian Pertahanan telah mengadakan Majlis Jiwa Murni, iaitu majlis penyampaian sumbangan kepada 73 bakal jemaah haji Kementerian Pertahanan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison.

Para bakal jemaah haji tahun ini terdiri daripada 51 pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta 22 pegawai dan kakitangan awam yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara.

Hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada

para bakal jemaah haji lelaki, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Manakala penyampaian sumbangan kepada para bakal jemaah haji perempuan disempurnakan oleh isteri Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir dan menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada salah seorang penerima (kanan dan kiri).

Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; peringkat kepimpinan Kementerian Pertahanan bersama pasangan masing-masing serta pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Majlis tahun ini diserikan dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Natijah Haji Mabrurah' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Jabatanrahan Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Haji Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari.

Bagi memberkati pemergian para bakal jemaah haji ke Tanah Suci, majlis disempurnakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Selamat bagi memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala agar segala urusan mereka berjalan dengan sempurna, mendapat perlindungan dan dikurniakan haji yang mabruk.

ISTERI Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji perempuan.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



Meneroka bidang penerangan, penyiaran dua hala

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



JERUDONG, Rabu, 7 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga selaku Pengurus Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information-AMRI) dan AMRI Plus Three Ke-8 telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama

YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Minister of Information Kembuja, Tuan Yang Terutama Neth Peaktra, hari ini.

Minister of Information Kembuja, Tuan Yang Terutama Neth Peaktra, hari ini.

Pada mesyuarat tersebut para menteri telah membincangkan mengenai langkah-langkah bagi menerokai bidang-bidang berkepentingan bersama khususnya dalam bidang penerangan dan penyiaran serta menggalakkan usaha-usaha untuk mengerakkan kerjasama dua hala.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyatakan harapan untuk terus menyokong mekanisme-mekanisme serantau ASEAN ke arah mencapai keutamaan dan key deliverables Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku Pengurus AMRI bagi tahun 2025 hingga 2026.

Mesyuarat Dua Hala yang berlangsung di The Empire Brunei, Meludin.

Jerudong, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II memuji komitmen berterusan Kembuja selaku Timbalan Pengurus AMRI sepanjang kepengerusian NBD pada tahun 2025 hingga 2026.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga turut mengetengahkan sumbangan penting Kembuja dalam sektor media dan penerangan ASEAN termasuk mengatasi isu-isu berita palsu dan *misinformation*.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji

Peranan AMRI sumbangkan kemajuan, pembangunan serantau



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Timbalan Menteri Komunikasi Malaysia, Yang Berhormat Teo Nie Ching.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Di samping Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information-AMRI) dan Persidangan AMRI Plus Three Ke-8 yang telah berlangsung pada hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Persidangan - persidangan AMRI Ke-17 telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Timbalan Menteri Komunikasi


Malaysia, Yang Berhormat Teo Nie Ching.

Mesyuarat diadakan di The Empire Brunei, Jerudong.

Semasa Mesyuarat Dua Hala bersama Timbalan Menteri Komunikasi Malaysia, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyatakan sokongan terhadap Malaysia selaku Pengurus ASEAN pada tahun 2025 dan seterusnya menekankan peranan AMRI dalam menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan serantau ke arah perpaduan ASEAN.

Yang Berhormat juga menzahirkan penghargaan kepada Malaysia atas sokongan mereka kepada Negara Brunei Darussalam selaku Pengurus AMRI.

DOA SELAMAT RAIKAN BAKAL JEMAAH HAJI JPMC



YANG Berhormat Menteri Kesihatan juga Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas kanan dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Jumaat, 9 Mei. – Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) melalui Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah (Ibadah Friendly Hospital - IFH Committee) mengadakan Majlis Doa Selamat bagi meraikan lima orang kakitangannya daripada JPMC dan Gleneagles JPMC yang akan menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Majlis yang berlangsung di Surau JPMC itu dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar juga Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC selaku tetamu

kehormat majlis.

Juga hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay Boon Chye, pihak Pengurusan Kanan JPMC, ketua-ketua jabatan dan kakitangan JPMC dan Gleneagles JPMC.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa IFH, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar yang antara lain menerangkan mengenai pentingnya doa serta niat sepanjang melaksanakan Rukun Islam kelima itu.

Majlis diikuti dengan penyampaian sumbangan derma

kepada lima bakal jemaah haji berkenaan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sumbangan - sumbangan tersebut merupakan ihsan daripada Jawatankuasa IFH JPMC dan Gleneagles JPMC.

Bacaan Doa Kesyukuran kemudiannya dipimpin oleh Awang Haji Ishkandar bagi memohon keberkatan dan perlindungan bagi bakal jemaah haji sepanjang perjalanan mereka menunaikan ibadah haji.

Jawatankuasa IFH JPMC berhasrat untuk menjadi model institusi penjagaan kesihatan Islam yang menyediakan penjagaan ihsan dan holistik menangani keperluan fizikal, emosi dan rohani pesakit selaras dengan agenda Negara Zikir.



**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

Sentiasa Mengelakkan Jarak Selamat

#YOUandME

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phone while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Mempersiapkan rohani, jasmani jemaah haji

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menunaikan fardu haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan kanan).

Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk, selaku penceramah jemputan.

Antara inti pati ceramah berkenaan menyentuh tentang keistimewaan yang dikumiakan kepada para tetamu Allah serta amalan-amalan yang wajar diamalkan oleh kalangan mereka yang tidak mengerjakan haji, agar turut meraih ganjaran kebaikan yang setimpal dengan mereka yang menunaikan ibadah haji.

Ceramah juga menekankan keutamaan 10 hari pertama pada bulan Zulhijah sebagai waktu terbaik beribadah, seperti termasuk berpuasa, berzikir, ibadah korban, dan amal soleh.

Ibadah haji turut ditekankan sebagai kemuncak pengorbanan,



manakala para jemaah diseru untuk mempersiapkan rohani dan jasmani serta mengamalkan nilai tawakal, sabar, bersangka baik dan bersedekah.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sumbangan kepada 11 pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menunaikan fardu haji Tahun 1446H / 2025M yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN serta jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mei. - Majlis Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menunaikan fardu haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah diadakan pada hari ini, bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6,

Bangunan KHEDN.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Keistimewaan Bulan Zulhijah : Bulan Ibadah' yang disampaikan oleh

MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN HARI BOMBA KE-65



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Bomba dan Penyelamat Ke-65, Tahun 2025, bertempat di Kubah

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Bomba dan Penyelamat Ke-65, Tahun 2025.

Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah pada majlis tersebut dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar@Mokti.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN, ketua - ketua jabatan, penghulu - penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Keugamaan, Pemangku Pengarah JBP, Pemangku Timbalan Pengarah JBP serta 150 orang anggota yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan JBP.

Majlis Doa Selamat bagi bakal jemaah haji



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Doa Selamat berkenaan dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (atas, kanan dan bawah kanan).

BERAKAS, Khamis, 8 Mei. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, hari ini mengadakan Majlis Membaca Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menunaikan ibadah haji bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Ahlan Wa Sahlan Duyuf Ar-Rahman' yang

bermaksud 'Selamat Datang Tetamu Ar-Rahman (Allah)' oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Seramai 27 pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Majlis diselanjurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal jemaah haji yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'alaa agar seluruh bakal jemaah haji diberikan keselamatan

dan kesejahteraan sepanjang menjalankan ibadah haji.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan) Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajar Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastuktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



78 WARGA MTIC TERIMA PINGAT KERJA LAMA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat berkenaan kepada para penerima (kiri dan kanan).



BERAKAS, Khamis, 8 Mei. - Seramai 78 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama

(P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun bagi Tahun 2024, bertempat di Dewan Mawaddah,

Setia Point, Berakas.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di MTIC, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Pengurnian P.K.L adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai tanda menghargai jasa dan sumbangan

para penerima pingat yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun dalam Perkhidmatan Awam.

Selain itu, ia juga berperanan sebagai sumber inspirasi dan dorongan semangat kepada seluruh warga MTIC untuk terus meningkatkan mutu dan produktiviti kerja ke arah kecemerlangan yang lebih tinggi.

MTIC adakan Majlis Doa Selamat untuk 12 orang bakal jemaah haji



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Doa Selamat bagi 12 orang bakal jemaah haji bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 8 Mei. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya petang tadi

mengadakan Majlis Doa Selamat bagi 12 orang bakal jemaah haji bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, bertempat di Dewan Amar Pahlawan, MTIC, di sini.



Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, yang kemudian menyempurnakan penyampaian sumbangan derma

kepada para bakal jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang

diketuai oleh Pegawai Perkembangan Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapha dan seterusnya menyampaikan ceramah khas bertajuk 'Jangan Sia-siakan Waktu Yang Ada'.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon kesejahteraan dan keselamatan para bakal jemaah haji, agar segala urusan akan dipermudahkan dan sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, serta memperoleh haji yang mabrur.

Juga hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari MTIC, dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dikelolakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC).

PENTING

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

!
!
!

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU

Pendaftaran

Dengan ini saya mengiktiraf bahawa maklumat lama di dalam PSCR2.0 saya tidak lengkap berkaitan...

Sila mengemaskini maklumat lama di dalam PSCR2.0 dan buat pengemaskinian yang betul...

Pendaftaran

Dengan ini saya mengiktiraf bahawa maklumat lama di dalam PSCR2.0 saya tidak lengkap berkaitan...

Sila mengemaskini maklumat lama di dalam PSCR2.0 dan buat pengemaskinian yang betul...

PAMERAN MELAMBANGKAN KEPELBAGAIAN EKSPRESI, KREATIVITI, INOVASI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Seni Lukis dan Reka Bentuk mengungkayahkan Pameran Seni Kreatif DBP Laguna Seni 2025, iaitu hasil seni gabungan mantan pelukis dan pelukis DBP bermula hari ini hingga 27 Mei 2025 bertempat di Galeri 4, Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaja Diraja, Jalan McArthur, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pameran tersebutialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah

Haireni binti Haji Awang Damit yang juga selaku Timbalan Pengurus Pameran Seni Kreatif DBP Laguna Seni 2025 dalam ucapannya menjelaskan, Pameran Laguna Seni itu merupakan sebuah pameran istimewa yang menghimpunkan hasil seni gabungan pelukis DBP dan mantan pelukis DBP.

Menurutnya, ia mencerminkan kesinambungan generasi dalam dunia seni lukis dan seni grafik tanah air dengan tema 'Sentuhan Warna', satu tema yang melambangkan kepelbagaian ekspresi, kreativiti dan inovasi dalam karya seni tempatan.

Beliau seterusnya menjelaskan, pameran tersebut bukan sahaja

memberi peluang kepada pelukis DBP dan mantan pelukis DBP untuk menampilkan hasil karya mereka, bahkan juga mengetengahkan perkembangan seni lukis dan seni grafik dari aspek tradisional hingga ke digital, selaras dengan perubahan arus teknologi masa kini.

Jelasnya, seramai 37 pelukis, dengan menampilkan sejumlah 89 buah lukisan, 94 hasil seni grafik dan 64 buah ilustrasi dimana jumlah ini memperlihatkan kepelbagaian medium serta pendekatan seni yang digunakan, mencerminkan landskap seni visual yang semakin berkembang dan bertenaga.

"Gabungan karya-karya yang dipamerkan ini diharap dapat memberikan inspirasi yang besar kepada masyarakat, khususnya kepada para pelajar seni yang bakal menjadi penerus legasi seni lukis dan seni grafik negara kita.

"Pameran ini bukan sahaja memberi ruang untuk menonjolkan bakat dan karya, tetapi juga berperanan sebagai wahana mendidik masyarakat untuk lebih memahami dan menghargai seni visual, serta menyedari betapa pentingnya peranan pelukis dalam menyampaikan cerita dan nilai-nilai luhur kepada generasi akan datang," ujarnya.

Gabungan antara mantan pelukis DBP dan pelukis semasa ini menjadi satu langkah yang amat bermakna dalam memastikan kesinambungan dan pemerksaan seni negara dan ia juga diharap dapat menghasilkan karya-karya yang lebih berinovasi dan relevan dengan zaman sekarang, tanpa melupakan akar budaya dan tradisi



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pameran Seni Kreatif Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Laguna Seni 2025 (atas dan kiri).

seni negara.

Pameran tersebut memberi peluang kepada masyarakat untuk menghargai dan menghayati evolusi seni lukis dan seni grafik negara seterusnya akan dapat melihat secara langsung bagaimana seni lukis dan seni grafik tempatan berkembang dari zaman dahulu hingga kini, serta memahami pelbagai teknik, gaya dan konsep yang diterapkan oleh setiap pelukis.

Selain itu, pameran tersebut juga membolehkan masyarakat menghargai warisan seni negara dengan lebih mendalam dan seterusnya mengenali para pelukis yang memberi sumbangans besar

dalam memartabatkan seni visual tanah air.

Secara keseluruhannya, pameran lukisan gabungan ini bukan sahaja menjadi platform untuk menghargai karya seni tetapi juga sebagai medan untuk memperkuuh kerjasama antara generasi pelukis yang berbeza, memberi manfaat kepada masyarakat, pelajar serta jabatan dalam memperkasa seni lukis dan seni grafik tanah air.

Pameran Seni Kreatif DBP Laguna Seni 2025 akan dibuka pada setiap hari, bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang dan ditutup pada Jumaat.

Doa Selamat bakal jemaah haji KKBS



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Doa Selamat bagi Bakal-bakal Jemaah Haji Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menuaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mei. - Majlis Doa Selamat bagi Bakal-bakal Jemaah Haji Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menuaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan hari ini di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Hadir bagi menyempurnakan majlis ialah Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Kerja (Perantis), Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Awang Muhammad Afif bin Ali.

Acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji oleh Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Seramai tiga orang bakal jemaah haji dari KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menuaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1446H / 2025M.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya serta bakal-bakal jemaah haji.



JANJI: RINGAN DIUCAPKAN BERAT DITUNAIKAN



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 11 Zulkaedah 1446H / 09 Mei 2025M

AMANAH YANG WAJIB DITUNAIKAN

Islam menekankan kepentingan menepati janji yang bukan sekadar ucapan, tetapi satu tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat.



MUNGKIR JANJI : TANDA MUNAFIQ




**Mungkir janji adalah dosa besar,
dibenci & dimurkai oleh Allah SWT**

JANJI KEPADA ALLAH, RASUL & MANUSIA

ALLAH = BERIBADAT KEPADANYA

RASULULLAH

MENGIKUTI SEGALA PERJALANAN, SIRAH & KEHIDUPANNYA



MANUSIA



MEMELIHARA AMANAH



MENJAGA HUBUNGAN SESAMA INSAN

TINDAKAN KITA

JANGAN MUDAH MEMBUAT JANJI

TUNAIKAN JANJI DENGAN PENUH AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB

UCAPKAN "IN SYA ALLAH"
APABILA BERJANJI HENDAK MELAKUKAN SESUATU

Janji : Ringan diucapkan berat ditunaikan



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nahl, ayat 91 :

Tafsirnya : "Dan sempurnakanlah perjanjian dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu melanggar sumpah-sumpah (kamu) sesudah meneguhkannya, padahal kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin (aksi dan pengawas) atas kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu lakukan".

Agama Islam amat menekankan mengenai kewajipan menepati dan menyempurnakan janji kerana ia adalah lambang kepada kejujuran, kepercayaan

dan kebersihan hati seseorang. Perlu diingat, bahawa janji itu ringan dan mudah untuk diucapkan namun ia berat untuk ditunaikan.

Sesungguhnya kita hidup di dunia ini akan sentiasa terikat dengan janji, sama ada janji kepada Allah Subhanahu Wata'ala, janji kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seterusnya janji kepada orang lain. Adapun yang dimaksudkan dengan janji kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah beribadat kepada-Nya, manakala janji yang dimaksudkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah mengikuti segala perjalanan, sirah dan kehidupan Baginda.

Oleh yang demikian, apabila seseorang itu berhasil menepati janji kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya, maka dia pula pasti akan berhasil menepati janji kepada lainnya. Sebaliknya, apabila dia gagal memenuhi janji kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya, maka dia adalah orang yang tidak memegang amanah, sedangkan menunaikan janji itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berakhlaq mulia dan bertakwa. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali-Imran, ayat 76 :

Tafsirnya : "Bukan demikian, sebenarnya sesiapa yang menepati janjinya dan bertakwa maka sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa".

Janji adalah amanah yang wajib kita tunai selama mana ia bukan perkara maksiat. Janji tidak dapat kita ambil ringan dan ambil remeh. Ini kerana perbuatan meringan-ringankan janji apatah lagi tidak menepati janjinya adalah perbuatan yang dibenci dan dimurka oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya orang-orang yang beriman tidak akan cuai dan tidak akan sekali-kali mengkhianati janjinya, sekalipun berbeza agama mahupun berbeza bangsa. Ini kerana orang yang mengkhianati janji itu bererti dia tidak amanah, malah tergolong ke dalam golongan orang-orang

munafik. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tanda-tanda orang munafik itu tiga perkara : apabila berkata dia berbohong, apabila berjanji dia memungkiri dan apabila diberi amanah dia mengkhianati". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh itu, janganlah kita mudah membuat janji, lebih-lebih lagi sekiranya janji itu sukar untuk ditepati ataupun sukar untuk dipenuhi. Ini kerana setiap perjanjian itu akan ditanya dan dipertanggungjawabkan di hari kiamat kelak. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 34 :

Tafsirnya : "Dan sempurnakanlah janji yang kamu buat (sama ada dengan Allah Subhanahu Wata'ala atau manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan dipertanggungjawabkan (di hari kiamat)".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda juga ada menjelaskan perihal amalan menepati janji yang sekiranya ditepati maka ia akan menjadi asbab masuk syurga dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Ubudah bin as-shamit Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Berijaminan kepadaaku dengan enam perkara maka aku jamin kamu dengan syurga : bercakaplah benar jika kamu berbicara, tepatilah (janji) apabila kamu berjanji, jalankan dengan sebaiknya jika diberi amanah, jagalah kemaluan kamu (daripada melakukan perkara yang haram), tundukkanlah pandangan kamu (daripada melihat perkara yang haram) dan jagalah tangan-tangan kamu". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Memandangkan janji itu merupakan satu amanah dan mungkir janji itu pula perbuatan orang munafik dan berdosa besar, maka kerana itu agama kita telah menentukan perkara yang perlu kita lakukan apabila membuat janji ialah dengan mengucapkan lafadz insyaaAllah apabila

berjanji, suruhan ini telah dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Kahf, ayat 23-24 yang tafsirnya :

"Dan janganlah sekali-kali engkau (wahai Nabi Muhammad) mengatakan mengenai sesuatu : "Sesungguhnya Aku akan melakukan itu esok". Melainkan (hendaklah disertai dengan berkata) : "InsyaaAllah". Dan ingatlah Tuhanmu jika engkau lupa (mengucapkan insyaaAllah) dan katakanlah : "Mudah-mudahan Tuhanmu mengurniakan kepadaaku petunjuk yang lebih dekat kepada kebenaran daripada (kisah Ashabul Kahfi) ini".

Allah Subhanahu Wata'ala dengan jelas menurunkan ayat ini sebagai petunjuk kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan umatnya supaya menyerahkan segala perkara itu kepada Allah Subhanahu Wata'ala, terutama apabila hendak melakukan sesuatu pada masa yang akan datang dengan disertakan perkataan insyaaAllah (jika dikehendaki Allah). Kerana Allah Subhanahu Wata'ala jualah yang mengetahui apa yang akan berlaku selepas itu dan Dialah yang berkuasa mengizinkan ataupun menghalangnya.

Akhirnya, ingatlah wahai kaum Muslimin betapa agama kita sangat mengambil berat perihal janji. Oleh yang demikian, berhati-hatilah sebelum berjanji. Jadikanlah diri kita memiliki ciri-ciri orang-orang yang beriman iaitu orang-orang yang bertakwa dan penuh amanah, bukan daripada orang-orang yang mungkir janji yang tergolong dalam golongan orang-orang munafik. Nauzubillah Minzalik.

Tafsirnya : "Dan orang-orang yang menjaga amanah-amanh dan janji mereka. Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang mereka. Mereka itulah pewaris-pewaris. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya". (Surah Al-Mu'minun, ayat 8 -11)

Pendaftaran Peperiksaan BCGCE 'O', 'AS', 'A', IGCSE dibuka mulai 8 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan akan membuka pendaftaran bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Oktober / November 2025 bermula pada Khamis, 8 Mei 2025 hingga Khamis, 19 Jun 2025.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh di Kaunter Jabatan Peperiksaan yang bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat

TARIKH	HARI	SESI PAGI	SESI PETANG
8 Mei 2025 hingga 7 Jun 2025	Isnin hingga Khamis	8:00 pagi hingga 11:00 pagi	1:30 pagi hingga 2:30 petang
	Sabtu	8:00 pagi hingga 10:00 pagi	-
9 Jun 2025 hingga 19 Jun 2025	Isnin hingga Khamis	8:00 pagi hingga 11:00 pagi	-
	Sabtu	8:00 pagi hingga 10:00 pagi	-

Kementerian Pendidikan (Blok 'C', Aras Bawah Bangunan Kementerian Pendidikan Lama, Lapangan Terbang Lama Berakas) semasa waktu pejabat dibuka atau dengan memuat turun borang, senarai mata pelajaran yang ditawarkan dan Surat Pemberitahuan dari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan dan dokumen yang telah lengkap, berserta pembayaran hendaklah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

Kementerian Pendidikan tidak lewat daripada Khamis, 19 Jun 2025 pada tarikh dan jam yang telah ditetapkan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025
- 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : 21 Mei 2025
- 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak

Smartphone showing the PenggunaBijak app interface. The screen displays a list of food items with their prices, such as 'Rend price of selected key food' and 'PenggunaBijak'. Below the phone, there are images of various food items like meat, vegetables, and bread.

دعاء ممohen كقد الله سقایي ترسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس فیاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ

وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT
DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظَهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحِّيهِ فِي كُلِّ الْمَحَاجَةِ وَنَفْسٌ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بچاءن يعْ مباوا اکبر او نتو عن ساعت بسر کقد ڦععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MENEROKA BIDANG KERJASAMA BAHRU



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mei. - Kementerian Pertahanan hari ini menerima lawatan pengenalan daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam bin Haji Jaffar.

Ketibaan Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam di bangunan Kementerian

Pertahanan di sini dialu-alukan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Sejurus ketibaan, Yang Berbahagia Panglima ATM menerima Tabik Hormat Panglima daripada Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada

anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Setelah selesai memeriksa Kawalan Kehormatan, Yang Berbahagia Panglima ATM seterusnya membuat kunjungan muhibah bersama Pemerintah ABDB.

Semasa kunjungan berkenaan, kedua-dua pihak menyatakan hasrat untuk mengekalkan dan meneruskan kerjasama tentera secara konsisten di antara kedua-dua Angkatan Tentera.

PANGLIMA Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam bin Haji Jaffar menerima Tabik Hormat Panglima daripada Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dan memeriksa Kawalan Kehormatan (kiri dan atas).

Yang Berbahagia Panglima ATM juga turut membuat kunjungan hormat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Kedua-dua pihak mengesahkan komitmen berterusan bagi memperkuuh hubungan pertahanan dan ketenteraan dua

hala yang sedia ada.

Selain itu, kedua-dua belah pihak juga menyatakan hasrat untuk meningkatkan kerjasama dalam sektor lain melalui pelbagai platform dua hala dan pelbagai hala serta peluang untuk meneroka bidang kerjasama yang baharu.

Yang Berbahagia Panglima ATM sedang berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Rasmii dari 6 hingga 8 Mei 2025.

Mengukuhkan kesepaduan sistemik melalui pemupukan budaya kolaboratif



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan berucap pada Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-7 Tahun 2025.

konvensyen berkenaan antara lain berkata, perhimpunan tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan dalam memupuk kepimpinan bersama dan membangunkan pemimpin pendidikan yang berwawasan di semua peringkat.

Setiap tahun jelasnya, konvensyen berkenaan memperkuuh komuniti profesional sambil menyediakan ruang kolaboratif untuk inovasi, refleksi dan perancangan masa hadapan.

"Salah satu contoh nyata impak konvensyen sebelum ini ialah pembangunan dan pelaksanaan Program Sahsiah Pelajar (PSP). Diperkenalkan pada simposium tahun lalu, PSP telah berjaya dilancarkan di 76 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

"Menerusi inisiatif ini, aktiviti kurikulum telah berubah daripada semata-mata aktiviti rekreasi kepada komponen yang tersusun dan berteraskan pembangunan pelajar.

"Dengan menggabungkan empat elemen teras, iaitu fizikal, kreativiti, kerohanian dan khidmat, PSP memperkuuh pertumbuhan holistik pelajar dan memastikan aktiviti kurikulum menyumbang secara bermakna kepada pembangunan menyeluruh mereka," ujarnya.

Dalam persediaan pelaksanaan di peringkat kebangsaan tambah Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati lagi, kita harus bergerak dengan telus, selaras dan tanggungjawab bersama.

Menurutnya, PSP bukan sekadar sebuah program tetapi ia mencerminkan komitmen kebangsaan kita untuk

mengintegrasikan kepimpinan sahsiah dan tanggungjawab sivik dalam pendidikan setiap pelajar.

Kejayaannya tambahnya lagi, tidak bergantung pada dasar semata-mata, tetapi pada kepimpinan awda, keupayaan awda untuk menyesuaikan dan memperjuangkan kerangka ini dalam komuniti sekolah yang unik.

Pada majlis berkenaan, Kementerian Pendidikan mencatat satu lagi peristiwa penting dengan pelancaran 'Buku Panduan Pelaksanaan Kegiatan Kokurikulum'.

Buku panduan yang diterajui oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum berkenaan merupakan hasil usaha sama pelbagai pihak di Kementerian Pendidikan, termasuk para pemimpin sekolah melalui platform Konvensyen Pemimpin Sekolah serta pelaksanaan secara berfasa di sekolah-sekolah sejak 2023.

Buku panduan berkenaan juga digunakan sebagai panduan pihak sekolah dalam mentadbir dan mengurus kegiatan kokurikulum melalui PSP.

Kegiatan kokurikulum berkenaan dapat menyediakan pelbagai bentuk pengetahuan dan pengalaman ke arah menyumbang kepada perkembangan holistik pelajar merangkumi aspek intelektual, mental, emosi, fizikal dan sosial.

Selain itu, kegiatan kokurikulum turut berperanan dalam mengembangkan potensi dan bakat pelajar, di samping membentuk perwatakan serta tingkah laku yang mulia, selaras dengan nilai-nilai murni berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian ucaptama

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

bertajuk 'The CCA Approach and LEAPS Framework in Singapore Schools' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar, Pejabat Penyelaras Pembangunan Pelajar, Kementerian Pendidikan, Republik Singapura, Lim Cheng Tju.

Antara pengisian ucaptama berkenaan adalah perkongsian mengenai gambaran keseluruhan pendekatan Kokurikulum Berasaskan Aktiviti (CCA) dan evolusi rangka kerja LEAPS yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di Republik Singapura.

Dengan tema 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti', konvensyen berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan kesepaduan sistemik di Kementerian Pendidikan melalui pemupukan budaya kolaboratif dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

Objektif konvensyen berkenaan merangkumi pengukuran kapasiti dan kompetensi pemimpin sekolah, peningkatan akauntabiliti bersama di antara jabatan dan sekolah dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan, serta pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian sekolah-sekolah.

Subtema konvensyen pada

tahun ini, iaitu 'Strengthening Students' Future Ready Skills', bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai pelaksanaan kegiatan kokurikulum di negara-negara jiran, serta menyediakan garis panduan bagi pelaksanaan aktiviti tersebut di sekolah-sekolah rendah, menengah, mакtab-maktab dan Pusat-pusat Tingkatan Enam di Negara Brunei Darussalam.

Sesi pagi diakhiri dengan pembentangan bertajuk 'Hala Tuju Program Sahsiah Pelajar' yang disampaikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sesi petang pula diteruskan dengan sebuah forum yang melibatkan ketua-ketua jabatan dan pemimpin-pemimpin sekolah. Forum berkenaan membincangkan usaha pelbagai pihak dalam mempertingkatkan akauntabiliti bersama serta meningkatkan kualiti pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada pencapaian subtema konvensyen di peringkat sekolah.

>> Muka 19



ANTARA yang hadir pada Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-7 Tahun 2025.

KETENGAHKAN LATIHAN KOMPREHENSIF, PUPUK KERJASAMA AGENSI KESELAMATAN



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Majlis Pembukaan Table-Top Exercise Eksesais Perisai Kebangsaan 05/2024-25 (kanan dan atas).

■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) hari ini telah mengadakan Table-Top Exercise (TTX) Eksesais Perisai Kebangsaan (EPK) 05/2024-25 selama dua hari di Dewan Bankuet, Mess Pegawai Polis,

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis pembukaan eksesais berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM),



Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad.

Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengarah Eksesais menjelaskan tujuan eksesais berkenaan diadakan adalah bagi memberi peluang latihan yang komprehensif bagi seluruh agensi keselamatan yang terlibat serta agensi-agensi berkepentingan

yang lain dalam mengetahahkan serta mempraktikkan konsep pendekatan Whole of Nation.

Eksesais ini akan memfokuskan kepada koordinasi pelbagai agensi, menguji cuba dan mengesahkan prosedur serta melatih atau memastikan amalan terbaik (*best practices*) di peringkat strategik, operasi dan taktikal akan dilaksanakan dalam menangani pelbagai ancaman-ancaman yang

mungkin berlaku.

TTX siri kedua dijangka akan diadakan sebagai kesinambungan kepada TTX ini yang mana beberapa isu keselamatan akan diteliti kesesuaianya untuk dijadikan sebagai senario-senario yang akan digunakan nanti.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para peserta dari agensi-agensi berkepentingan.

NBD alami cuaca panas melampau

■ Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di dalam tempoh peralihan monsun.

Sepanjang tempoh ini, ketidaaan luruan angin monsun membolehkan kesan angin tempatan untuk memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian negara kita.

Sejak 5 Mei 2025, NBD telah mengalami cuaca panas melampau di beberapa kawasan negara pada waktu siang. Suhu maksimum harian yang telah direkodkan di beberapa stesen

pencerapan telah mencapai 35 darjah celsius atau lebih selama tiga hari berturut-turut kebelakangan ini.

Pada Selasa, 6 Mei 2025, terdapat tiga kawasan telah merekodkan keadaan cuaca panas melampau iaitu Labi, Lakiun dan Anggerik Desa, manakala terdapat lima kawasan lain telah merekodkan suhu cuaca panas luar biasa iaitu Bandar Seri Begawan, Lumapas, Sinaut, Benutan dan Bangar.

Berdasarkan ramalan cuaca berangka terkini, keadaan cuaca NBD diramalkan berterusan panas

dan kering, dengan pengurangan jumlah dan aktiviti hujan bagi beberapa hari yang akan datang. Suhu maksima harian dijangkakan boleh mencecah antara 33 darjah celsius hingga 37 darjah celsius.


Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan berkaitan dengan keadaan cuaca panas dan kering yang diramalkan berlaku.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah menyediakan catatan suhu maksimum harian dan juga suhu 'yang dirasakan' bagi beberapa kawasan di NBD dengan menggunakan infografik-infografik yang dikongsikan melalui media sosial BDMD untuk makluman dan rujukan orang ramai.


Orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus mengikuti maklumat cuaca rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan ini melalui aplikasi bimbit BruneiWX dan media-media sosial BDMD iaitu laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather, saluran WhatsApp dan Telegram BDMD Brunei Weather.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn.

Manakala maklumat cuaca terkini boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn dan melalui aplikasi bimbit BDMD iaitu Brunei WX.



Negara Brunei Darussalam Mengalami Keadaan Cuaca Panas Melampau: Orang Ramai Adalah Dinasihatkan Untuk Berwaspada Dan Berjaga-jaga.
Siaran Akbar | 7 Mei 2025



Mengukuhkan kesepaduan sistemik melalui pemupukan budaya kolaboratif



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian konvensyen berkenaan.

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 18

Konvensyen berkenaan diakhiri dengan penyampaian surat pelantikan para pemimpin sekolah baharu serta penyampaian insentif kepada sekolah-sekolah kerajaan yang telah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan awam dan pencapaian lain.

Sebanyak 10 buah sekolah rendah menerima insentif dalam Penilaian Sekolah Rendah, enam buah sekolah menengah menerima insentif dalam Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan IGCSE, empat buah PTE menerima insentif dalam Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A' Level, manakala sebuah sekolah menengah menerima insentif dalam Program BTEC.

Selain itu, 23 buah sekolah menerima insentif dalam Whole School Evaluation (WSE), sembilan buah sekolah bagi Program Penilaian Kebersihan dan Keselamatan Sekolah, dan sembilan buah sekolah lagi menerima Insentif Anugerah Perpustakaan Sekolah.

Turut hadir pada konvensyen berkenaan ialah Pemangku Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi); ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

20 PESERTA PROGRAM TARBIYAH IBADAH HAJI DIRAIKAN



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) mengadakan Majlis Penutup Tarbiyah Ibadah Haji dan Doa Selamat bagi Bakal Jemaah Haji Mualaf Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Majlis penuh keberkatan ini berlangsung di Bilik Maulizah, Bangunan Darul Huda, PDI, di sini.

Seramai 20 peserta terdiri daripada sembilan lelaki dan 11 perempuan yang merupakan penerima kurnia Tambang Fardu Haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menamatkan Program Tarbiyah Ibadah Haji bagi Tahun 1446H / 2025M. Program ini telah berlangsung selama dua hari,

bermula 6 hingga 7 Mei 2025. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan nasihat daripada tetamu kehormat. Acara kemudianya

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



diteruskan dengan penyampaian sijil tamat kursus dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada bakal jemaah mengenai situasi sebenar di Tanah Suci, membimbing peserta secara teori dan praktikal mengenai ibadah haji dan umrah serta meningkatkan kefahaman dan penghayatan fardu

ain agar ibadah dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Diharap agar program ini dapat membimbing para bakal jemaah haji mualaf untuk menghalusi manasik atau ibadat haji dan umrah seterusnya dapat melaksanakan dengan baik apabila tiba di Tanah Suci Mekah nanti dan mendapat haji yang mabru.

Kursus bantu peserta memperkasa bacaan Al-Quran

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Rabu, 7 Mei. - Lebih 150 peserta lelaki dan perempuan yang terdiri daripada penduduk Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong mengikuti Kursus Asas Ilmu Tajwid Al-Quran di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti, UBD.

Kursus yang julung kali ini diadakan di masjid berkenaan akan dijalankan selama empat bulan bermula Mei sehingga Ogos 2025.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Kursus Asas Ilmu Tajwid Al-Quran Resm 'Uthmani - Riwayat Hafs, Imam 'Asim itu disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin

Haji Chuchu selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapannya, tetamu kehormat menegaskan bahawa hukum mempelajari ilmu tajwid bagi umat Islam ialah fardu kifayah. Oleh itu, Al-Quran jelasnya, perlu dibaca secara bertajwid, bertujuan untuk melindungi lidah daripada melakukan kesalahan ketika membaca kitab suci Al-Quran.

"Jika ayat-ayat Al-Quran dibaca dengan bacaan yang salah, ia mampu merubah makna ayat tersebut. Oleh itu setiap umat Islam perlu berusaha mempelajari ilmu tajwid agar Al-Quran dapat dipelihara," ujar Awang Haji Asminan.

Dengan bermulanya Kursus Asas Ilmu Tajwid Al-Quran yang diusahakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti ini

jelasnya, mudah-mudahan akan dapat melahirkan lebih ramai lagi orang-orang yang berkemahiran dalam bidang Al-Quran khususnya dalam bidang ilmu Tajwid ini, di samping ia merupakan salah satu cara untuk mengangkat dan meninggikan syiar Islam serta mengukuhkan lagi perasaan cinta kepada Al-Quran.

Sementara itu, Ketua Imam Masjid Universiti, UBD, Awang Abdul Muhamin bin Dr. Haji Serbini berkata Kursus Asas Ilmu Tajwid Al-Quran ini adalah kesinambungan dengan Kelas Tahsin Murattal Al-Quran yang masih lagi giat dijalankan di Masjid UBD yang merupakan aktiviti mingguan masjid.

Beliau menambah, melalui Program Kelas Tahsin Murattal Al-Quran itulah, pihak masjid memandang serius akan kepentingan pembukaan kali pertama Kursus Asas Ilmu Tajwid

Al-Quran di Masjid Universiti dan pihak masjid juga akan terus berusaha untuk membantu mereka bagi kesempurnaan pembacaan setiap pelajar masing-masing.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan selawat oleh kumpulan pelajar Kelas Tahsin Murattal Al-Quran Masjid Universiti, UBD.

Antara tujuan kursus ini dibukakan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di samping membantu para peserta dalam memperkasa dan memperlokkan lagi bacaan Al-Quran. Semoga dengan inisiatif ini dapat melahirkan insan yang cemerlang duniawi dan ukhrawi.



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berucap pada majlis berkenaan (bawah kiri dan atas).

ini dapat melahirkan insan yang cemerlang duniawi dan ukhrawi.





جامعة بروناي داروسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ● ●

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



Bilangan Tawaran:
MFA / ASET / T01 / 2025

Tajuk Tawaran:
Term Contract For Operation And Maintenance Works Of Air-Conditioning System At Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Subok For A Period Of Three (3) Years – FSOR

Kategori:
M01

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bahagian Kemajuan Syiar Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Tawaran Sebut Harga

Bil. Sebut Harga:
KHEU / BKSI / 2 / 04 / 2025
Majlis Ibadah Korban Sunat 1445 Hijrah @ Refrigerated / Reefer Container Rental

Bil. Sebut Harga:
KHEU / BKSI / 3 / 04 / 2025
Tentage Rental And Genset For Majlis Ibadah Qurban Sunat Bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Baginda Bagi Tahun 1446H / 2025M

Tarikh Tutup Tawaran:
14 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dalam

Kelas: Terbuka

Kategori: Terbuka

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Sabtu,
17 Mei 2025.

Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-02

Tajuk Projek:
Kontrak Pengalang Bagi Pembekalan dan Pemasangan Giant Banner Di Taman SOAS Serta Pembekalan dan Pemasangan Vertical Banner Di Ke Empat-Empat Daerah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / B01303-06

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
02 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of Cleaning Services For Land Transport Department Headquarters Building (Beribi)

Bilangan Tawaran:
03 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of Cleaning Services For Land Transport Department Training And Driving Test Circuit Complex (Sungai Akar)

Bilangan Tawaran:
05 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Maintenance Of Grass And Tree Cutting For Land Transport Department

Bilangan Tawaran:
06 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of Security Services For Land Transport Department Buildings And Branches

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JBT / S / 06 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mengganti Baharu Mangkuk Tandas, Pintu Utama Tandas Laki-Laki dan Dinding Penahan Tanah Di Tandas Awam Pekan Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 21 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 3.2024
The Design, Supply, Development, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Training and Commissioning of the Enterprise Content Management (ECM) System namely Sistem Pengurusan Rekod (SPeRe)

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 Jun 2025.



Tawaran Perkhidmatan Kantin

**MOE / LTK / 04 / 2025 / 2026
[DA(BPPA-APRIL-2025)]**
Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Kantin Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama, Berakas, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 05 / 2025 / 2026
[DA(BPPA-APRIL-2025)]**
Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND2,198.00 Sebulan

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Bagi MOE / LTK / 04 / 2025 / 2026 dan MOE / LTK / 05 / 2025 / 2026:
BND15.00
[Bayaran Yuran / Dokumen]



Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu:
Selasa,
13 Mei 2025.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

Syarat Khas:
Dibukakan Khas Bagi Warga Negara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17) Ditempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara



Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam


Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 088 / 2025

Tajuk:
Penanaman Tiang 28ft / 35ft dan Penarikan Kawat Atas Voltan Rendah Bagi Daerah Temburong

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.



Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5 dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 - SECTION 16 & 17", Sijil Pendaftaran Pemberong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 107 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Consumables For Oral Health Promotion Unit, Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 108 / 2025 / PIHM (TC)

Keterangan:
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital Temburong To An Off-Site Location For Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 109 / 2025 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigeration And Air Conditioning And Ventilation At Ministry Of Health Headquarter Complex And DSS Serasa For A Period Of Three (3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

Class: II and above
Category: M01, E01 & E02

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup:
20 Mei 2025.

Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran 1
To Supply and Install of Tires for Fire Trucks BG 797 (F.8)
Department of Civil Aviation

AME / 2025 – 2026 / SH-20

Tarikh iklan / mengambil

IKLAN

KK / 94 / 2025 / HTD (TC)

Keterangan:
The Provision Of Maintenance Services For Ge Health Care For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 95 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For National Immunology Reference Laboratory Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 91 / 2025 / UPP

Keterangan:
To Supply, Deliver, Test And Comission Body Plethysmography Machine For Pulmonary Function Test (PFT) Lab, Department Of Respiratory Medicine, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 92 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Deliver Medical Consumables For Emergency Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 93 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Provision Of Ground Maintenance Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:

Services Under Pengiran Isteri Hajah Mariam Hospital, Temburong

BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 104 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Drug Label Stickers For Anesthetist At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 106 / 2025 / ESTETMOH

Keterangan:
Upgrading Works For The VIP Holding Room At Dewan Al-Afiah And The Third Floor, MOH HQ Kementerian Kesihatan

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

Class: II and above
Category: B01

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 101 / 2025 / PIHM (TC)

Keterangan:
The Provision Of Patient Care Assistant Services At Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM), Hospital Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 102 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Medical Consumables For Gynaecology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 103 / 2025 / UPP

Keterangan:
To Inspect, Troubleshoot, Rectify Three (3) Units Of Bus, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital To A Running And Safe Condition

Yuran Tawaran:



Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
JAIN / 24 / 1983 (BP) – 01 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Bendera Panjang Jabatan Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
13 Mei 2025 – Selasa (9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Sebut Harga:
Peti Sebut Harga, Jabatan Adat Istiadat Negara, Bandar Seri Begawan BA8610, Negara Brunei Darussalam.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUBERIBI / 2025-2026 Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Beribi, Brunei III

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SULUMAPAS / 2025-2026 Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Lumapas Brunei IV

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPANB / 2025-2026 Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Aziemah Ni'matul Bolkiah. Brunei IIB

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H-1447H / 2025M – 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 16 Zulkaedah 1446H / 14 Mei 2025M. Jam 2.00 Petang.



Tajuk Tawaran 1
To Supply and Install of Tires for Fire Trucks BG 797 (F.8)
Department of Civil Aviation

AME / 2025 – 2026 / SH-20

Tarikh iklan / mengambil



1. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / NASI BERPEK / K / 01 / 2025

Menyediakan Nasi Berpek (Ayam / Daging dan Sayur) Atau Mee Dan Ayam Goreng Berserta Air Minuman Botol Kecil Bagi Latihan dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara

2. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / KUEH BUFFET/ K / 02 / 2025
Menyediakan / Membekalkan 3 Jenis Kuih Berserta 1 Botol Kecil Air Putih dan 1 Kotak Minuman Manis Secara Buffet Semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei Muara (Bagi Penuntut Pengibar Bendera dan Hadrah) - 2,500 Orang

3. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 03 / 2025

Menyediakan/Membekalkan Jamuan Berserta Minuman Panas / Minuman Botol Semasa Latihan dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara. (Bagi Petugas-Petugas dan Ahli-Ahli Jawatankuasa)

4. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 04 / 2025

Menyediakan/Membekalkan Jamuan Secara Dome Berserta Minuman Panas Dan Air Mineral Semasa Latihan dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Bagi Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi)

5. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 05 / 2025

Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan - Bertempat Di Bangunan Sekretariat Jabatan Perdana Menteri, (Minuman Pagi (Refreshment) Bagi VVIP 130 Orang)

6. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 06 / 2025

Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(03-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Sebut Harga: Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
15 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(06-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Sebut Harga: Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Temburong Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
15 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(05-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Sebut Harga: Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Eric Goh Kuala Belait Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
15 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(04-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Sebut Harga: Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Tutong Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
15 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan - Untuk Para Jemputan Di Kem Khas (Dome Services) - 2,500 Orang

7. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 07 / 2025
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Dalam Dewan (Served)) - 300 Orang

8. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 08 / 2025
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Luar Dewan (Served)) - 280 Orang

9. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 09 / 2025
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat

dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan - Untuk Para Jemputan Di Kem Khas (Dome Services) - 2,500 Orang

10. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 10 / 2025
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Ketua - Ketua Jabatan, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong Serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi - 400 Orang

11. Tawaran Bilangan:
JDBM / SH / BUFFET / K / 11 / 2025
Membekalkan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Dalam Dewan (Served)) - 600 Orang

Tarikh Tutup :
Selasa, 20 Mei 2025.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKAN :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI

1. Bilangan Sebut Harga :
(21) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Nissan X-Trail Luxury,
BG9638 Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

2. Bilangan Sebut Harga :
(22) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Toyota Commuter
Bus Hiace, BG2065
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

3. Bilangan Sebut Harga :
(23) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Hyundai H1 2.5 VGT
CRDI (Model 2015), BG5225
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

4. Bilangan Sebut Harga :
(24) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Mitsubishi Pajero GL
2.8, BG4279 (TB)
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 15 Mei 2025.
Jam 8.00 Pagi.



Bilangan Sebut Harga:
02 / DBP / SH / 2025 - 2026

Nama Dokumen Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pembinaan
Bangunan Flat Dewan Bahasa
dan Pustaka, Blok EF23,
Kampung Beribi,
Negara Brunei Darussalam



UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI

UNISSA / SB0009 / 2025 / 2026
To Supply and Deliver
Research Equipment for
UNISSA Research Grant Titled
"Isolation and Molecular
Characterization Of Native
Bacillus Thuringiensis
Strains and Evaluating Their
Insecticidal Activity Against
Some Important Insect Pests
In Brunei Darussalam

UNISSA / SB0010 / 2025 / 2026
To Design and Build of
Permanent Billboard for
Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA)
Gadong Campus

UNISSA / SB0011 / 2025 / 2026
To Supply, Deliver and
Install of Gravity Micro-Irrigation
System with Rainwater Harvesting
to The Block of Land in
Front of Dar Al-Khawarizmi',
Faculty of Agriculture
Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA)
Sinaut Campus

UNISSA / SB0012 / 2025 / 2026
To Supply, Deliver and
Install of Micro-Irrigation
System to The Block of
Land Adjacent to Dar Al-Razi',
Faculty of Agriculture Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Sinaut Campus

UNISSA / SB0014 / 2025 / 2026
To Supply and Deliver
Research Items for UNISSA
Research Grant Titled "Exploring
Bruneian Macro Feed Nutrients
and Its Economic Analysis to
Formulate the Biogenic Fish
Feed"

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
21 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran Sebut
Harga:**
06 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Pembelian Kelengkapan
Keselamatan Bagi Gerakan Khas,
Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup dan Waktu:
Selasa,
27 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

**T / 001 / RBPF-HQ / 2025 –
INSURAN**

Skim Takaful Kemalangan Diri
Berkelompok Bagi Pegawai Dan
Anggota Pangkat Rendah Serta
Pegawai Dan Kakitangan Awam,
Pasukan Polis Diraja Brunei Bagi
Tempoh (3) Tahun



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0007 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply Apparatus And Test
Kits For Marine Sediment Analysis

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Provide And
Conduct Open Water Diving
And Advance Water Diving
Training Courses

Tarikh Tutup:
Khamis, 29 Mei 2025.



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHVAL
DALAM NEGERI

Tajuk Sebut Harga:
JDB / 2.2 / PA SYSTEM DEWAN
SANTAP / B / 2025

Nama Projek:

Sebut Harga Bagi Menyewakan
dan Mengendalikan Set Pembesar
Suara (PA System) Untuk Majlis
Santap Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-79 Bagi Tahun 2025
Peringkat Daerah Belait

Tajuk Sebut Harga:
JDB / 2.3 / PA SYSTEM PENTAS
MALAM PERAYAAN /
C / 2025



INSTITUT PERKHIDMATAN
AWAM

Tajuk Sebut Harga :
IPA / PENT / SVC / 513

Kerja-Kerja Perkhidmatan
Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah

Tajuk Sebut Harga:
IPA / PENT / SEBHAR / 512
Perkhidmatan Penyewaan /
Pengusahaan Kios Makanan

**Tarikh Tutup Bagi
Sebut Harga:**
Selasa, 20 Mei 2025.

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 15 /
BPPK / 07

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Kontrak Selama Satu (1)
Tahun Bagi Kerja-Kerja
Pemotongan dan Pencantasan
Pokok, Termasuk Pembersihan,
Pengangkutan dan Pelupusan
Sisa-Sisa Pokok

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 22 Mei 2025,
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperolehi Dari:**
Bahagian Pemuliharaan
dan Kenderaan

Jabatan Bandaran Bandar
Seri Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu dan Pemeliharaan,
Ssimpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
20 Mei 2025.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
02 / DBP / SH / 2025 - 2026

Nama Dokumen Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pembinaan
Bangunan Flat Dewan Bahasa
dan Pustaka, Blok EF23,
Kampung Beribi,
Negara Brunei Darussalam

جوالن سالينان كمبوا ديكنتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA SERANTAU MELALUI MASTERA



Siaran Akbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Sekretariat / Musyawarah Mastera 2025 dalam satu ruang antara perwakilan Mastera Brunei Darussalam secara dalam talian melalui aplikasi Zoom, baru-baru ini.

Mesyuarat dipertanggung-jawabkan oleh Mastera Brunei Darussalam selaku negara tuan rumah yang dihadiri oleh para perwakilan Negara Anggota Mastera dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Pemangku Timbalan

PEMANGKU Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit juga selaku Timbalan Pengerusi Mastera Brunei Darussalam merangkap Ketua Perwakilan Mastera Brunei Darussalam hadir pada mesyuarat tersebut.

Pengarah, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit juga selaku Timbalan Pengerusi Mastera Brunei Darussalam merangkap Ketua Perwakilan Mastera Brunei Darussalam dan Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin juga selaku Setiausaha Mastera Brunei Darussalam.

Mesyuarat merupakan komitmen serta obligasi negara dalam organisasi serantau bagi menyelaras program dan projek Mastera merujuk pelan strategik Mastera. Di samping mengukuhkan jalinan kerjasama serantau antara negara anggota melalui Mastera, dalam mendukung hasrat, misi dan visi, DBP.

Mesyuarat akan membincang, meneliti dan melaksana program / projek Mastera yang disepakati dalam Keputusan Umum Sidang Mastera sebelumnya. Turut hadir, pakar-pakar dan ahli serta Urus Setia Mastera Brunei Darussalam.

Operasi bersepadu keluarkan 2 notis amaran

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

TEMBURONG, Khamis, 8 Mei. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu secara bulanan ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Temburong pada hari Rabu, 23 April 2025.

Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak 10 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta SDT 1983, Penggal 151 dan Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat SDT 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).

Sementara itu, pihak JPES telah mengeluarkan dua notis amaran bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, iaitu menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan kegagalan mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barang yang dijual di dalam premis perniagaan.

Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat SDT 1994; di bawah Seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaian yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.

Di samping itu, para peniaga juga diingatkan untuk sentiasa mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul, serta mengoptimalkan aplikasi mudah alih PenggunaBijak untuk mendapatkan harga maksimum terkini bagi barang dikawal harga dan seterusnya memastikan barang berkenaan tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2334092; dan Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada: aduanpengguna@jpes.gov.bn.



BAHAGIAN Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui Unit Sukatan dan Timbangan dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa mengadakan operasi bersepadu.

Anak Yang Kurang Ajar

Kau adalah ibu yang baik
Ibu yang penyayang
Tetapi anakmu
Anak perkasa yang gagah
Dan ibu pun jadi lilln yang cair

Di rumahmu,
Anak-anakmu semakin berani
Mulutmu hanya mampu berdiam sahaja
Jiran masih mengatakan kau baik hati
Senang benar hatimu menerima pujian

Di rumahmu,
Anak-anakmu semakin kurang ajar
Bibirmu hanya tersenyum
Tidak apa, katamu
Biarlah, katamu

Namun hatimu menangis
Setiap malam kau berbicara dengan Tuhan
Memohon agar kasih yang pernah kau beri
Tidak berbalas dengan luka yang pedih

Wahai anak yang kurang ajar,
Lihatlah ibumu yang kian rapuh
Dia bukan batu yang tak merasa
Dia bukan angin yang tak terluka
Dia hanya manusia yang ingin disayangi
Tanpa syarat
Tanpa rugu

Oleh : A.Naz

Perkuuh kerjasama undang-undang dalam jenayah pemerdagangan orang



DELEGASI Negara Brunei Darussalam menghadiri Bengkel mengenai Buku Panduan dan Kompendium ASEAN Kerjasama Perundangan Antarabangsa Pemerdagangan Orang Fasa Kedua semasa sesi bergambar ramai.

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 8 Mei. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menghadiri Bengkel mengenai Buku Panduan dan Kompendium ASEAN Kerjasama Perundangan Antarabangsa Pemerdagangan Orang Fasa Kedua terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Keadilan Jenayah Pejabat Peguam Negara, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di dalam kapasiti sebagai wakil Jawatankuasa Kerja Kebangsaan bagi Anti-Pemerdagangan Orang.

Bengkel ini telah diadakan selama dua hari dari 6 hingga 7 Mei 2025 yang dianjurkan oleh Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Transnasional (SOMTC) dengan kerjasama Program Counter Trafficking ASEAN-Australia (ASEAN-ACT) dan Pejabat Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (United Nations Office on Drugs and Crime).

Objektif bengkel ini diadakan selaras dengan perlaksanaan ASEAN Convention Against Trafficking in Persons, Especially Women and Children (ACTIP) dan ASEAN Multi-Sectoral Work Plan Against TIP 2023-2028 (Bohol TIP Work Plan 2.0) yang mana bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama undang-undang antarabangsa (formal dan tidak formal) di kalangan negara anggota ASEAN, selaras dengan undang-undang anggota ASEAN dalam jenayah rentas sempadan khasnya kes pemerdagangan orang (TIP).

Projek ini bertujuan untuk mengemaskini Buku Panduan ASEAN mengenai Kerjasama Undang-undang Antarabangsa dalam Kes Pemerdagangan Orang dan menyediakan Kompendium ASEAN mengenai Kerjasama

Undang-undang Antarabangsa mengenai Kes Pemerdagangan Orang.

Dalam masa yang sama, menyebarkan dan memaklumkan pihak berkepentingan dengan lebih luas mengenai Buku Panduan ASEAN dan Kompendium ASEAN mengenai Kes Pemerdagangan Orang untuk meneroka mana-mana kolaborasi masa depan.

Dua dokumen ini dijangka akan dibincangkan secara lanjut untuk persetujuan semasa SOMTC Ke-25 nanti.

Bengkel ini dihadiri oleh 69 wakil daripada pelbagai ASEAN Sectoral Bodies termasuklah dari 11 buah negara menyertai bengkel berkenaan. Program ini juga turut menggalakkan hubungan kerjasama antarabangsa dan bertukar-tukar fikiran serta pandangan mengenai kes pemerdagangan orang yang semakin kompleks dan memastikan respons yang lebih kukuh terhadap apa jua bentuk eksloitasi pemerdagangan orang.

MALAM SAMBUTAN RAM YORO SERLAHKAN KEUNIKAN WARISAN KAPAL KARAM BRUNEI



SESI malam tersebut bertajuk 'Meneroka Kedalaman: Legasi Kapal Karam Bersejarah Borneo' menarik lebih 50 peserta (kiri), manakala gambar kanan, antara yang dipamerkan.

Siaran Akhbar dan Foto : Poni Group

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Minggu Lautan Brunei 2025 memulakan acara pertamanya untuk orang ramai dengan Malam Sambutan khas menampilkan jurugambar bawah laut dan penyelam teknikal pemenang anugerah, Ram Yoro, yang kembali ke Brunei untuk berkongsi penemuannya serta imej bawah laut dari ekspedisi sebelumnya meneroka kapal karam misteri Borneo.

Sesi malam tersebut, bertajuk 'Meneroka Kedalaman: Legasi Kapal Karam Bersejarah Borneo' menarik lebih 50 peserta, termasuk penyelam, jurugambar, kreatif belia, rakan kongsi pelancongan, media dan orang awam, mencerminkan minat yang semakin meningkat di Brunei terhadap warisan marin, selama kapal karam dan penceritaan laut.

Acara eksklusif ini

mengetengahkan kerja berterusan Ram dalam 'Panduan Menyelam ke Kapal Karam Borneo' - panduan komprehensif pertama seumpamanya yang sedang dibangunkan.

Berdasarkan ekspedisinya pada 2019 dan selaman terkini semasa Brunei Ocean Shootout 2025, Ram mempersembahkan imej yang belum pernah dilihat sebelum ini serta kisah-kisah menarik yang mendedahkan keindahan tersembunyi dan kepentingan sejarah dunia bawah laut Brunei.

Dikenali di peringkat antarabangsa kerana mempelopori teknik Bonfire Diving serta imej menakjubkan kapal karam, terumbu dan hidupan marin makro, Ram akan memimpin siri bengkel fotografi bawah laut dan selaman kapal karam dalam di seluruh Brunei selama seminggu.

Ini termasuk sesi memotret gambar tapak selaman ikonik seperti kapal karam Bolkiah dan Petani Mistral, serta selaman teknikal mencapai kedalaman sehingga 70 meter, memberi

peluang kepada peserta untuk belajar.

"Brunei mempunyai sesuatu yang istimewa. Kapal karam di sini kaya dengan cerita dan artifik sejarah, seperti menyelam ke dalam muzium hidup. Ia sangat fotogenik dan kaya dengan kepelbagaiannya biologi. Ini bukan sekadar tapak selaman; ia adalah khazanah budaya," kongsi Ram semasa sesi tersebut.

"Ini sememangnya destinasi yang positif untuk penyelam serius dan jurugambar bawah laut."

Malam Sambutan ini menawarkan peluang keemasan kepada orang ramai untuk mendengar langsung daripada salah seorang penyelam paling dihormati di rantau ini, melihat fotografi bawah laut pemenang anugerah, serta terlibat dalam perbualan bermakna tentang kepentingan memelihara warisan marin Brunei.

Acara ini merupakan sebahagian daripada Brunei Ocean Shootout 2025, siri bengkel fotografi, videografi dan seni berinspirasi laut yang

dianjurkan semasa Minggu Lautan Brunei 2025, diatur bersama Brunei Tourism dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk menyokong industri kreatif, mempromosikan pelancongan marin mampan, serta memperkasakan belia melalui penceritaan laut.

Brunei Ocean Shootout menampilkan Ram Yoro dari Filipina untuk membuka pertandingan dengan siri bengkel fotografi dan videografi bawah laut serta di permukaan, diikuti oleh Zul Ng dan Pauline Wong dari Singapura pada akhir bulan ini dengan siri bengkel media dan seni laut, yang akan memuncak dalam Pameran Lautan Brunei dari 6 hingga 8 Jun 2025 di One City Mall.

Di sana, karya finalist pertandingan fotografi dan videografi Brunei Ocean Shootout akan dipamerkan bersama siri ceramah kerjaya, tayangan filem, dan sambutan Hari Lautan Sedunia pada 8 Jun 2025, bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dan KSSUP.

13 syarikat dikenakan denda

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Sebanyak 13 buah syarikat tempatan telah diarahkan untuk membayar denda di Mahkamah Majistret kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35) iaitu gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi tiap-tiap Tahun Kewangan pada bulan Februari sehingga Mac 2025.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Mecatronic Technology Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND6,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2015, 2016, 2017 dan 2018 dan Wehaya Engineering Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND6,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2016, 2017, 2018 dan 2019.

Seterusnya, Razuna Sdn. Bhd. dan Sumon Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019.

Sementara itu, Cahaya Bina Insan Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND4,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan 2019; Zhongjing Engineering Sdn. Bhd. dan Fair Price Jaya Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018 dan 2019.

Bright Ventures Global (B) Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND2,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan 2020; Affection Sdn. Bhd., Kim Liang Construction Sdn. Bhd., Syarikat Pg. Haji Yusoff bin Pg. Haji Ahmad Sdn. Bhd., Md. Zafor Sdn. Bhd. dan Moon Min Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND1,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memberi peringatan bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 adalah dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 52(1) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).

Jika sabit bersalah kerana gagal menghadapkannya, di samping dikehendaki untuk membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah, syarikat terbabit juga dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan yang tertunggak dan membayar Cukai Pendapatan yang tertunggak serta penalti yang dikenakan iaitu maksimum 17 peratus daripada jumlah cukai yang tertunggak, jika ada.

PPDB gagalkan kegiatan penyeludupan barang tegahan



ANTARA barang tegahan yang berjaya dirampas.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Khamis, 8 Mei. - Pegawai dan anggota Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menggagalkan beberapa kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan hasil daripada operasi pemantauan dan pencegahan jenayah yang dijalankan di kawasan Bangar.

Pada 6 Mei 2025, pihak polis telah menahan sebuah kenderaan yang dipandu oleh seorang lelaki tempatan berusia 50 tahun disyaki membawa barang tegahan dalam perjalanan menuju ke Daerah Brunei dan Muara. Pemeriksaan lanjut telah menemui sejumlah 180 botol minuman keras dan 624 tin minuman keras, yang diperdayai

telah diseludup masuk dari negara jiran.

Manakala bagi operasi hari ini, setelah pihak polis mendapat maklumat mengenai aktiviti yang mencurigakan di jalan kubur Belais, Temburong dan setelah diperiksa lebih lanjut, beberapa kotak plastik berwarna hijau yang mengandungi 24 botol minuman keras dan 96 tin minuman keras telah pun ditemui di kawasan semak berhampiran dengan Sungai Belais, Temburong.

Kedua-dua kes ini telah dilaporkan di Balai Polis Bangar dan diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan lanjut.

Pihak PPDB menegaskan dan menyeru orang ramai agar tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang negara, yang boleh membawa kesan buruk kepada diri sendiri dan keluarga. PPDB akan terus komited dan giat menjalankan usaha membanteras serta mengekang segala bentuk kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan di negara ini.



Terapkan nilai adab sejak kecil

DALAM menghadapi dunia yang serba mencabar ketika ini, kita tentunya terkesima ketika melihat seorang anak yang lembut tutur katanya, berawar galat penuh sopan santun, hormat dan patuh kepada ibu bapa dan guru-guru. Itulah anak yang akan membuatkan sesiapa saja senang hati ketika melihat dan berjumpa dengannya. Dan mungkin inilah yang selalu dikatakan kepada ibu yang bertuah dengan ucapan 'sejuk perut ibu mengandung'.

Mengajarkan adab, sopan santun atau tingkah laku yang baik kepada anak sering dianggap hal biasa tetapi itu penting. Kalau bukan kita orang tua, siapa lagi yang akan mengajarkannya? Mengajarkan adab pada anak itu memang susah tetapi ia juga bukan perkara mudah. Kita boleh membiasakannya dengan sering bersikap santun di depan anak agar ia mencontohi kelakuan kita.

Sikap sopan santun boleh diajarkan sejak awal lagi, mulai dari si kecil belajar bercakap pada usianya setahun sehingga anak tersebut suka meniru pada usia dua hingga empat tahun. Usia tersebut dirasa cukup sesuai untuk mengajarkan si kecil tentang cara bersopan santun kepada orang lain. Ini kerana pada usia ini, fizikal dan psikologi buah hati kita sedang dalam perkembangan yang cukup baik. Jadi, anak tersebut akan dengan sangat mudah menyerap dan menanamkan nilai-nilai tersebut pada dirinya.

Maka dari itu, orang tua haruslah sabar serta terus berusaha untuk mengajarkan si kecil mengenai cara bersikap dan bertingkah laku yang baik. Walaupun memang hal ini terlihat tidak mudah tetapi dengan ketekunan dan usaha kita pasti mampu mengajarkan adab pada anak.

Anak-anak selalu mencontoh apa yang dilakukan oleh orang tuanya. Maka dari itu, jika kita ingin buah hati membesar menjadi anak yang memiliki adab dan kesopanan, hal tersebut harus dimulakan oleh kita sendiri bak pepatah 'melentur buluh biar dari rebung'. Anak-anak perlu mengamalkan adab-adab yang baik bukan hanya kepada ibu bapa, tetapi juga kepada sesiapa saja, termasuklah segala perkara di sekeliling mereka. Walaupun ia tidak berunsur akademik, nilai kesopanan ini adalah tunjang

kejayaan anak-anak pada masa hadapan.

Didik anak tentang adab yang perlu diketahui

Selain mengucapkan 'terima kasih' dan 'tolong', ada banyak cara mendidik anak kecil yang diterapkan supaya timbulnya rasa hormat, simpati, dan bijak menjaga tata tertib. Berikut adalah sebahagian cara mendidik anak kecil agar mereka membesar menjadi orang yang berbudi pekerti.

Jangan hina penampilan orang lain

Sentiasa ingatkan anak supaya tidak menjelekkan penampilan atau rupa fizikal seseorang. Didik anak awda untuk menilai orang dengan budi pekertinya, dengan kelebihannya. Jangan jadikan paras rupa sebagai ukuran untuk menilai seseorang. Beritahu anak awda untuk mengucapkan kata-kata yang baik kepada orang tersebut kerana semua orang yang diciptakan Allah Subhanahu Wata'alá adalah cantik dan masing-masing mempunyai kelebihannya.

'Mencelah' perbualan orang dewasa hanya apabila perlu

Latih anak untuk berkata 'maafkan saya' apabila terpaksa mencelah ibu bapa atau orang dewasa yang sedang berbual untuk menanyakan sesuatu. Jika bukannya sesuatu yang penting, ajarkan mereka supaya menunggu sehingga orang dewasa habis bercakap. Sikap anak yang suka bercakap ketika orang dewasa terutama sekali ketika kedua ibu bapa bercakap adalah satu perbuatan yang boleh dianggap tidak sopan dan tidak hormat. Jadi tegurlah anak awda jika mereka berbuat demikian agar mereka tahu sikap tersebut tidak sepatutnya mereka buat.

Mengetuk pintu dan meminta izin

Anak kecil perlu faham kepentingan meminta izin terutamanya ketika mahu menggunakan atau mengambil sesuatu yang bukan milik mereka. Mereka perlu diajar sejak kecil lagi agar menghormati privasi ibu

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

bapa. Latih anak untuk mengetuk pintu terlebih dahulu sebelum masuk meskipun pintu bilik tidak ditutup. Perbuatan mengetuk pintu dan minta izin sebelum mereka masuk ke dalam bilik ibu bapa adalah disyariatkan dalam Islam.

Menghargai setiap pemberian

Terapkan kepentingan nilai penghargaan kepada anak. Walaupun sekecil-kecil hadiah atau pemberian, beritahu mereka bahawa seseorang telah berusaha dengan niat yang baik untuk mendapatkannya untuk kita. Jadi anak tersebut perlu menghargai hadiah tersebut dan tidak lupa mengucapkan terima kasih.

Ajari anak supaya jangan sesekali memperlekehkan atau memandang rendah serta menunjukkan mimik muka tidak suka apabila hadiah atau pemberian tersebut bukanlah sesuatu yang berharga atau bukan yang mereka harap-harapkan.

Menjaga kebersihan diri

Berikan anak didikan dalam menjaga kebersihan diri masing-masing. Ajari mereka untuk menutup mulut ketika bersin atau batuk, jangan korek hidung dan sentiasa gunakan tisu terutama sekali ketika berada di tempat awam. Ia bukan saja amalan yang buruk, tetapi boleh menyebarkan penyakit berjangkit.

Ucapan 'Alhamdulillah' sesudah bersin, dan katakan 'Yarhamkallah' ketika mendengar orang bersin. Tunjukkan kepada anak cara untuk membersihkan diri selepas bermain dan selepas makan. Ajarkan juga anak supaya membersihkan diri sebelum beribadah.

Letak dulu gadget semasa bercakap dengan orang

Sikap seperti ini lumrah kita lihat pada masa ini. Anak-anak akan terus bermain

dengan gadget tanpa menghiraukan orang sekeliling. Justeru ibu bapa perlu melatih mereka untuk memberikan respons dengan sopan apabila orang bercakap atau bertanya kepadanya. Ajarkan anak untuk memandang wajah seseorang apabila bercakap dengan mereka sebagai tanda hormat. Jangan biarkan mereka asyik mengasingkan diri dan sibuk dengan gajet apabila berada dalam majlis tertentu. Sebaliknya, cuba beramah mesra dengan kenalan dan ahli keluarga bagi mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan lebih-lebih lagi jika jarang berjumpa.

Adab di meja makan

Ajar anak-anak untuk bersyukur dengan apa yang dihidangkan dan elakkan menghina makanan. Tunjuk ajar mereka untuk makan dengan tertib, tidak bersepah. Jika ditunjukkan sejak awal lagi tidak mustahil anak-anak akan lebih bersopan ketika makan. Setelah membaca doa, ambil makanan yang dekat terlebih dahulu. Jangan ambil makanan secara berlebihan tanpa memikirkan orang lain.

Kesimpulan

Dalam Islam, pendidikan adab yang merupakan tanggungjawab utama ibu bapa yang sepatutnya telah dibiasakan sejak kecil lagi. Malah, sebahagian besar ulama menekankan bahawa pendidikan adab kepada anak hendaknya didahulukan berbanding ilmu.

Cara mendidik anak kecil dengan adab dan akhlak yang baik bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu, ia perlu diterapkan seawal usia kerana pergaulan anak terhadap persekitaran akan turut mempengaruhi kelakuaninya. Maka, sekiranya asasnya tidak utuh, anak pun senang terikut-ikut dengan perbuatan orang lain yang tidak sepatutnya.

BEBERAPA KATA LALUAN HEGSETH TERDEDAH AKIBAT SERANGAN SIBER, BOLEH DIAKSES SECARA DALAM TALIAN - LAPORAN

MOSCOW, 8 Mei. - Beberapa kata laluan yang digunakan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat (AS), Pete Hegseth untuk mendaftar ke pelbagai laman sesawang terdedah akibat serangan siber dan kini boleh diakses dalam talian, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Akhbar The New York Times melaporkan bahawa pendedahan itu menimbulkan persoalan baharu mengenai penggunaan peranti

peribadi oleh Hegseth untuk berkongsi maklumat ketenteraan.

Menurut laporan itu, Setiausaha Pertahanan AS berkemungkinan tidak menggunakan kata laluan yang terdedah bagi akaun sensitif, namun sekurang-kurangnya satu daripada kata laluan itu telah digunakan berulang kali untuk akaun e-mel peribadi.

Satu daripada kata laluan yang didedahkan merupakan gabungan

mudah huruf dan nombor, yang berkemungkinan mewakili parap dan tarikh.

Kata laluan yang sama pernah terdedah dalam dua pelanggaran akaun e-mel peribadi pada 2017 dan 2018.

Menurut pakar keselamatan siber, memandangkan nombor telefon Hegseth mudah diperoleh dalam talian, beliau berisiko menjadi sasaran penggodam atau agensi risikan

asing.

Pada 24 Mac, Ketua Pengarang The Atlantic, Jeffrey Goldberg mendedahkan dalam satu artikel bahawa beliau secara tidak sengaja dimasukkan dalam kumpulan sembang untuk perbincangan sulit serangan ketenteraan terhadap Houthi di Yaman.

Menurut Goldberg, perbualan itu turut disertai pegawai kanan lain seperti Hegseth, Setiausaha



Negara Marco Rubio dan Naib Presiden JD Vance.

Goldberg turut memaparkan tangkap layar perbualan yang menunjukkan Hegseth beberapa jam sebelum operasi bermula, memaklumkan jenis pesawat dan sasaran, yang menurut wartawan itu, boleh membahayakan anggota tentera jika maklumat itu dibocorkan. - ©BERNAMA

Indonesia lanjut operasi modifikasi cuaca di Riau bagi cegah risiko kebakaran

JAKARTA, 8 Mei. - Indonesia akan melanjutkan operasi modifikasi cuaca di wilayah Riau selama lima hari bermula Khamis sebagai sebahagian daripada usaha yang dipertingkatkan untuk mengurangkan risiko kebakaran di kawasan yang terdedah.

Badan Pengurusan Bencana Nasional (BNPB) berkata pelanjutan itu dibuat susulan kehadiran awan hujan yang masih terdapat di kawasan berkenaan, sekali gus membolehkan pembentihan awan diteruskan bagi mencegah kebakaran hutan dan tanah.

Antara 1 hingga 7 Mei, BNPB mengerahkan sebuah pesawat

bagi menabur 5.6 tan natrium klorida (NaCl) ke atmosfera dalam usaha membasahi kawasan tanah gambut dan mengisi semula takungan air.

"Sehingga Rabu, tiada kebakaran hutan atau tanah dilaporkan di wilayah Riau. Pemantauan udara juga tidak mengesan sebarang titik panas di kawasan berisiko tinggi," kata jurucakap BNPB, Abdul Muhamad dalam satu kenyataan.

Beliau berkata inisiatif modifikasi cuaca itu susulan mesyuarat penyelarasannya pada 28 April berkaitan Pencegahan kebakaran hutan, dan merupakan sebahagian daripada langkah kesiapsiagaan

kecemasan yang lebih menyeluruh untuk menangani bencana berkaitan jerebu di rantau ini.

Operasi itu diselaraskan dari Pangkalan Udara Roesmin Nurjadin di Riau, dengan kerjasama Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) serta Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara (TNI-AU).

Usaha lanjutan itu mencerminkan komitmen berterusan Indonesia dalam menangani pencemaran jerebu rentas sempadan, cabaran alam sekitar yang dikongsi bersama dengan memberi kesan besar kepada kesihatan dan ekologi serantau. - ©BERNAMA

Kereta Api Haramain tawarkan hampir 2 juta tempat duduk untuk Musim Haji 1446H

JEDDAH, 7 Mei. - Perkhidmatan Kereta Api Arab Saudi (SAR) menyediakan hampir dua juta tempat duduk bagi jemaah yang menggunakan Perkhidmatan Kereta Api Laju Haramain sempena musim Haji 1446 Hijrah, peningkatan sebanyak 25 peratus atau 400,000 tempat duduk berbanding musim lalu.

Peningkatan itu membuktikan kesiapsiagaan penuh SAR untuk memberi perkhidmatan kepada jemaah haji mengikut piawaian keselamatan, kecekapan dan kualiti tertinggi, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Sepanjang musim haji tahun ini, sebanyak 4,768 perjalanan dijadualkan antara 1 Zulkaedah hingga 20 Zulhijah.

Perkhidmatan Kereta Api Laju

Haramain yang merentasi laluan sepanjang 453 kilometer menghubungkan lima stesen utama: Mekah, Madinah, Stesen Sulaimaniyyah di Jeddah, Stesen Bandar Ekonomi Raja Abdullah dan Stesen Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz bagi memberi pengalaman pengangkutan yang selesa dan lancar antara dua kota suci.

Kereta Api Haramain memainkan peranan penting dalam pergerakan jemaah sebagai sebahagian daripada sistem mobiliti moden Kerajaan Arab Saudi.

Ia merupakan kaedah pengangkutan terpantas antara Mekah dan Madinah, dengan masa perjalanan sekitar dua jam. Sebagai satu daripada sepuluh

kereta api penumpang terpantas di dunia, Kereta Api Haramain beroperasi pada kelajuan sehingga 300 kilometer sejam.

Ita memiliki 35 buah tren, setiap satu dengan kapasiti 417 tempat duduk dan menghasilkan pelepasan karbon sifar, menjadikannya penyelesaian mesra alam yang turut membantu mengurangkan tekanan pada jaringan jalan raya serta meningkatkan kualiti pengangkutan jemaah.

SAR turut menyumbang ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2030 Arab Saudi, yang bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada jemaah serta memastikan perjalanan yang lestari dan bermakna daripada segi kerohanian. - ©BERNAMA

Oman umum perjanjian gencatan senjata antara Amerika Syarikat, Houthi

ISTANBUL, 7 Mei. - Oman pada Selasa mengumumkan bahawa usaha pengantaraannya membawa kepada perjanjian gencatan senjata antara Amerika Syarikat dan kumpulan Houthi di Yaman, selepas kenyataan Presiden Donald Trump bahawa kumpulan itu tidak lagi melancarkan serangan ke atas kapal dagang, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Menerusi rundingan dan hubungan terkini yang dialangkan oleh Oman dengan Amerika Syarikat serta pihak berkuasa berkaitan di Sana'a, Yaman bagi tujuan meredakan ketegangan, usaha berkenaan menghasilkan perjanjian gencatan senjata antara

kedua-dua pihak.

"Pada masa hadapan, tiada pihak akan menyasarkan pihak satu lagi, termasuk kapal Amerika di Laut Merah dan Selat Bab al-Mandab bagi memastikan kebebasan pelayaran dan kelancaran perdagangan maritim antarabangsa," kata Menteri Luar Oman Badr Albusaidi dalam kenyataan menerusi platform X.

Oman turut merakamkan penghargaan kepada kedua-dua pihak atas pendekatan membina yang membawa kepada hasil positif, dan berharap ia akan membuka jalan kepada kemajuan lanjut dalam pelbagai isu serantau ke arah keadilan, keamanan dan kemakmuran untuk semua,

katanya.

Kumpulan Houthi mula menyerang laluan perkapalan di Laut Merah dan Laut Arab selepas tercususnya perang Israel di Gaza, sebagai solidariti terhadap rakyat Palestin.

Pada Mac lalu, Trump melancarkan operasi ketenteraan terhadap kumpulan itu di Yaman.

Terdahulu, dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Kanada Mark Carney di Rumah Putih, Trump berkata Houthi memaklumkan bahawa mereka tidak lagi melancarkan serangan ke atas kapal dagang dan Amerika Syarikat akan menghentikan serangan ke atas Yaman sebagai tindak balas. - ©BERNAMA

Indonesia lancar inisiatif perumahan untuk wartawan

JAKARTA, 7 Mei. - Kerajaan Indonesia melancarkan program perumahan bersubsidi di Bekasi, Jawa Barat bagi membantu kira-kira 70 peratus daripada 100,000 petugas media di negara itu yang bergelut mendapatkan kediaman mampu milik.

Inisiatif itu merupakan kerjasama antara kementerian kerajaan dan sektor swasta bagi mengiktiraf sumbangan wartawan dalam memelihara demokrasi dan ketelusan awam, menurut kenyataan Kementerian Komunikasi dan Digital pada Rabu.

"Kita mengiktiraf bahawa wartawan yang telah mendedikasikan diri mereka kepada menegakkan kebenaran, juga berhak untuk menikmati kediaman yang selesa."

Peranan kerajaan bukan sekadar menyelia, tetapi juga menjadi rakan yang prihatin terhadap kebajikan mereka," kata Menteri Meutya Hafid, yang juga bekas wartawan ketika pelancaran program berkenaan.

Pada majlis itu, Meutya dan Menteri Perumahan dan Penempatan, Maruarar Sirait secara simbolik menyerahkan kunci rumah bersubsidi kepada 78 wartawan dan lima petugas media di Perumahan Gran Harmoni di Cibitung, yang terletak lebih 40 kilometer dari pusat bandar Jakarta.

Majlis serupa turut diadakan di Medan, Palembang, Makassar, Manado dan Yogyakarta, dengan 10 wartawan di setiap lokasi menerima kunci rumah mereka.

Maruarar turut mengumumkan bahawa jumlah rumah bersubsidi untuk wartawan akan ditingkatkan daripada 1,000 kepada 2,000 unit, bergantung kepada permintaan.

Bagaimanapun, beberapa organisasi media termasuk Aliansi Jurnalis Independen (AJI), Ikatan Jurnalis Televisi Indonesia (IJTI) dan Pewarta Foto Indonesia (PFI) menyuarakan bantahan terhadap program itu.

Dalam kenyataan bersama pada 15 April, kumpulan itu mengakui keperluan terhadap perumahan, namun menegaskan bahawa wartawan seharusnya mendapat akses kepada subsidi melalui saluran awam sedia ada seperti rakyat lain.

"Jika kerajaan benar-benar mahu meningkatkan kebajikan wartawan, ia sepatutnya memastikan syarikat media mematuhi undang-undang buruh, termasuk memberikan gaji yang adil dan persekitaran kerja yang lebih baik," kata Pengurus AJI, Nani Afrida. - ©BERNAMA

Rusia, Ukraine saling bertukar 205 tawanan perang

MOSCOW, 7 Mei. - Rusia dan Ukraine mengadakan pertukaran tawanan perang dengan setiap pihak menyerahkan seramai 205 orang tentera kepada pihak satu lagi, lapor Agensi Berita Rusia (TASS).

Kementerian Pertahanan Rusia dalam satu kenyataan berkata hasil rundingan, seramai 205 tentera Rusia telah dibebaskan dan diserahkan dari wilayah yang dikuasai Ukraine pada 6 Mei.

"Sebagai balasan, 205 tawanan perang Ukraine juga telah diserahkan," menurut kenyataan itu.

Menurut Anadolu Ajansi (AA), kementerian itu turut memuji usaha pengantaraan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dalam memudahkan pertukaran tawanan itu serta menzahirkan penghargaan atas sumbangan kemanusiaannya.

Kementerian itu turut memaklumkan bahawa tentera Rusia yang telah dikembalikan sedang menjalani penilaian psikologi dan perubatan di Belarus sebelum dibawa pulang ke Rusia untuk rawatan dan pemuliharaan lanjut. - ©BERNAMA



SAINTIS CHINA TEROKAI BIDANG BAHARU DALAM BIOLOGI SINTETIK

TIANJIN, 9 Mei. - Sun Yuanxia di Perbandaran Tianjin utara China telah mendedikasikan selama dua dekad untuk "penyelidikan manis."

Sun, seorang penyelidik di Institut Bioteknologi Perindustrian Tianjin, Akademi Sains China, mengetuai pasukannya dalam membangunkan platform khas untuk biosintesis gula nadir. Pencapaian ini pada tahun 2023 telah merevolusikan konsep tradisional pembuatan gula.

"Berbanding dengan pengeluaran gula tradisional melalui tanaman seperti tebu, kaedah karbon dioksida kepada gula kami secara mendadak

mengurangkan pergantungan kepada sumber tanah dan air," katanya.

Sun adalah antara sekumpulan penyelidik China yang terlibat dalam biologi sintetik, bidang baru muncul di mana saintis mendekati sistem biologi sama seperti arkitek yang membina bangunan.

Dengan sengaja memasang komponen genetik, "arkitek kehidupan" ini mencipta penyelesaian kepada cabaran global dalam bidang perubatan, pengeluaran makanan dan kelestarian alam sekitar.


China telah komited untuk memajukan pembangunan genetik dan bioteknologi. Pada tahun 2024, negara secara rasmi mengiktiraf "juruteknik

bioengineering" sebagai profesion baharu. Penyelidikan bioperubatan dan genetik turut diketengahkan dalam rancangan negara, dengan pelan pembangunan bioekonomi dikeluarkan pada 2022 yang menggalakkan inovasi biologi sintetik secara khusus.

Pada bulan Mac, penyelidik di Universiti Tianjin menggunakan strategi biologi sintetik seperti penyuntingan gen dan kejuruteraan organel untuk membangunkan "kilang" mikrob dan sel tumbuhan untuk menghasilkan ginsenosides yang jarang ditemui - sebatian yang dipanggil "emas tumbuhan."

Menurut Mei Kunrong, seorang profesor bersekutu di Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Farmaseutikal universiti itu, *ginsenosides* yang jarang ditemui memperkenalkan bioaktiviti tinggi dan bioavailabiliti yang sangat baik, dengan kesan anti-tumor, anti-radang dan peningkatan imun yang terbukti. Walau bagaimanapun, kelimpahan semula jadi yang sangat rendah - kurang daripada 0.1 peratus dalam tumbuhan - dan proses pengekstrakan yang kompleks menjadikannya sangat mahal.

Mei berkata penyelidikan itu menyediakan pendekatan baru untuk pengeluaran ginsenosida yang jarang berlaku.



SUN Yuanxia sedang melihat gula di sebuah makmal di Institut Bioteknologi Industri Tianjin, yang terletak di Tianjin, utara China.

"Dengan kemajuan dalam biologi sintetik, kos pengeluaran boleh dikurangkan dengan ketara, menjadikan 'emas tumbuhan' ini lebih mudah diakses oleh orang awam," tambahnya.

Untuk menangani cabaran revolusi bioteknologi, melaksanakan strategi nasional dan memupuk bakat dalam bidang termaju ini, universiti itu menubuhkan sekolah biologi dan biopembuatan sintetik pada bulan April.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, juruteknik biokejuruteraan China telah

menggunakan biologi sintetik untuk membuat inovasi yang luar biasa, termasuk wangiaw mawar yang berasal dari ragi, bakteria kejuruteraan yang merawat tumor dan beras minyak tinggi dari "kilang" sel.

"Teknologi *bioengineering* sedang merevolusikan paradigma pengeluaran dan penggunaan sumber," kata Sun. "Peralihan daripada didorong oleh pengalaman kepada pembuatan pintar telah meningkatkan kecekapan secara mendadak, dengan prospek yang tidak terhad untuk masa depan." - ©XINHUA

Perkhidmatan tren penumpang laluan Pasir Gudang-Kempas baru akan diperkenalkan

JOHOR BAHRU, 9 Mei. - Perkhidmatan tren penumpang bagi laluan Pasir Gudang-Kempas Baru akan diperkenalkan selewat-lewatnya tahun depan, kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

Beliau berkata perkhidmatan berkenaan dijangka bermula dalam tempoh enam hingga 12 bulan dengan mengambil kira keperluan untuk membina stesen penumpang baharu di sepanjang jajaran berkenaan.

"Sepanjang laluan ini, sekurang-kurangnya kita boleh cari tiga lokasi (stesen) yang boleh kita ambil dan turunkan penumpang," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pembukaan Semula Landasan Untuk Operasi Perkhidmatan Kargo Bagi Laluan Kempas Baru-Pasir Gudang di sini hari ini.

Beliau berkata Kementerian Pengangkutan akan membuat kajian dan berbincang dengan Kerajaan Johor bagi mendapatkan lokasi stesen sesuai.

Loke berkata bagi peringkat awal, perkhidmatan penumpang berkenaan akan menggunakan koc Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sedia ada dan pembelian koc baharu akan dipertimbangkan pada masa hadapan.

"Kita komited projek ini boleh dilaksanakan dengan cepat, jadi kita akan bincang dengan Kementerian Kewangan untuk dapatkan kelulusan dan kita gunakan sumber Perbadanan Aset Keretapi (RAC) untuk biaya projek ini," katanya.

Sementara itu, Loke berkata laluan jajaran Pasir Gudang-Kempas Baru dibuka semula selepas ditutup sejak Oktober tahun lepas bagi kerja menaik taraf landasan sepanjang 39.9 kilometer dan meliputi tiga seksyen utama iaitu Kempas Baru-Seelong, Seelong-Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Johor-Pasir Gudang.

Beliau berkata kerja-kerja menaik taraf melibatkan pemberian struktur rel, pembinaan sistem parparitan baharu, penggantian trek dan batu kerikil, serta peningkatan sistem isyarat dan keselamatan dengan nilai keseluruhan projek RM55 juta.

"Dengan pembukaan semula landasan bagi operasi perkhidmatan kargo Pasir Gudang-Kempas Baru, KTMB akan meningkatkan pengendalian kontena daripada 140 unit kontena bersamaan 20 kaki (TEUs) sehari sebelum ini sekurang-kurangnya kepada 420 TEUs sehari iaitu peningkatan sebanyak tiga kali ganda.

"KTMB sebelum ini hanya membuat dua trip sehari tetapi setelah pembukaan semula KTMB akan membuat larian keretapi kargo sekurang-kurangnya sebanyak enam trip sehari," katanya.

Di samping itu, katanya pelanggan juga boleh meningkatkan aktiviti dalam urusan pemindahan kontena bukan sahaja dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, malah ke pelabuhan lain di Semenanjung Malaysia termasuk Pelabuhan Kuantan melalui laluan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) kelak, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang sehingga keluar negara melalui Thailand dan ke China. - ©BERNAMA

22 ditahan cuba masuk Mekah tanpa permit haji

MEKAH, 9 Mei. - Pasukan Keselamatan Haji menahan seorang penduduk warga Mesir kerana membawa 22 individu dengan bas ke sini, yang melanggar peraturan dan arahan ibadah haji.

Menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA), kesemua mereka ditahan ketika cuba memasuki Mekah tanpa permit haji.

Pihak berkuasa telah menahan pemandu serta semua penumpang, dan mereka dirujuk kepada jawatankuasa berkenaan untuk tindakan undang-undang sewajarnya. - ©BERNAMA

Paetongtarn: Mesyuarat kabinet bersama dirancang di sempadan Thailand-Malaysia

BANGKOK, 9 Mei. - Perdana Menteri Thailand Paetongtarn Shinawatra dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju untuk mengadakan mesyuarat Kabinet bersama pada akhir tahun ini di kawasan sempadan Sadao-Bukit Kayu Hitam.

Paetongtarn, menerusi hantaran di akaun rasmi X miliknya, berkata perkara itu dibincangkan semasa perbualan telefon bersama Anwar pada Khamis bagi menangani isu kepentingan bersama dan keimbangan antara kedua-dua negara.

"Kami bersetuju menghadiri pembukaan jalan rentas sempadan baharu yang menghubungkan pusat pemeriksaan Sadao-Bukit Kayu Hitam dan mengadakan mesyuarat Kabinet bersama di situ pada akhir tahun ini," katanya.

Paetongtarn berkata Thailand dan Malaysia menegaskan semula kepentingan menamatkan keganasan di wilayah sempadan selatan Thailand serta memperkuat kerjasama untuk bersama-sama membangunkan kawasan sempadan kedua-dua pihak.

Beliau berkata mereka juga membincangkan cara untuk mengukuhkan kerjasama ASEAN dalam menghadapi cabaran perdagangan global selain memberikan bantuan kemanusiaan dan menyokong usaha mengembalikan keamanan di Myanmar.

"Saya akan meneruskan perbincangan dengan Perdana Menteri Anwar semasa Sidang Kemuncak Pemimpin ASEAN akhir bulan ini di Kuala Lumpur," tambahnya.

Anwar mengadakan lawatan

kerja dua hari ke Thailand bulan lepas, di mana beliau bertemu dengan Paetongtarn untuk meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama dalam projek infrastruktur rentas sempadan, khususnya di selatan Thailand.

Semasa lawatan itu, kedua-dua perdana menteri menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bagi Perjanjian Pembinaan (CA) Projek Jambatan Rantau Panjang - Sungai Golok.

Pada 2024 Thailand merupakan rakan dagangan ketujuh terbesar Malaysia di dunia dan ketiga terbesar dalam ASEAN, dengan jumlah perdagangan berjumlah US\$25.03 bilion (RM114.56 bilion).

Antara Januari dan Februari tahun ini, perdagangan dua hala berjumlah US\$3.96 bilion (RM17.65 bilion), meningkat daripada US\$3.67 bilion (RM16.80 bilion) dalam tempoh yang sama pada 2024. - ©BERNAMA

Jepun, Jordan tegaskan komitmen kerjasama ke arah keamanan Timur Tengah

TOKYO, 9 Mei. - Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba dan Putera Mahkota Jordan, Al Hussein bin Abdullah II menegaskan komitmen kedua-dua negara untuk bekerjasama ke arah merealisasikan keamanan di Timur Tengah, lapor Jiji Press.

Dalam pertemuan selama 20 minit di Pejabat Perdana Menteri di Tokyo pada Khamis, kedua-dua pemimpin membincangkan isu-isu

berkaitan Timur Tengah termasuk situasi di Semenanjung Gaza yang terjejas akibat serangan Israel.

Ishiba menegaskan bahawa Jepun akan terus berusaha ke arah penyelesaian dua negara antara Palestin dan Israel serta keamanan dan kemakmuran rantau itu, dengan kerjasama Jordan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Putera Mahkota atas kerjasama Jordan

dalam usaha memindahkan rakyat Jepun dari beberapa negara di sekitar rantau berkenaan.

Putera Mahkota Al Hussein pula menghargai sokongan Jepun dalam pelbagai bidang termasuk pembaharuan ekonomi, dan menyatakan bahawa Jordan tidak akan berkira dalam membantu Jepun, termasuk dalam perlindungan rakyat negara itu. - ©BERNAMA

Komited membangunkan ekosistem sukan telus, inovatif, beretika



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam

DOPING merujuk kepada 11 kesalahan yang termaktub di dalam Kod Anti-Doping Dunia (World Anti-Doping Code) yang dikeluarkan oleh World Anti-Doping Agency yang dipanggil Anti-Doping Rules Violations (ADRV) yang mana jika atlet, pegawai, atau agensi sukan yang melakukan salah satu daripada kesalahan tersebut boleh dikenakan tindakan seperti pengantungan dan denda.

Kesemua 11 kesalahan tersebut ialah Kehadiran bahan terlarang dalam sampel atlet; Penggunaan atau percubaan penggunaan bahan atau kaedah terlarang; Kegagalan lokasi (*whereabouts failures*) - tiga kegagalan dalam tempoh 12 bulan; Mengelak, menolak atau gagal menyerahkan sampel untuk ujian doping; Memiliki bahan atau kaedah terlarang tanpa justifikasi sah; Mengganggu atau cuba mengganggu proses kawalan doping; Pengedaran atau percubaan pengedaran bahan atau kaedah terlarang; Pentadbiran atau percubaan pentadbiran bahan atau kaedah terlarang kepada atlet; Bersubahat dalam pelanggaran peraturan

anti-doping; Berhubungan dengan individu yang dikenakan sekatkan berkaitan doping dan Tindakan menghalang atau membalaikan dendam terhadap pelapor yang melaporkan pelanggaran doping.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam merupakan sebuah Jawatankuasa yang bertindak selaku Organisasi Anti-Doping Kebangsaan yang bertanggungjawab memastikan pematuhan (*compliance*) terhadap World Anti-Doping Code serta melaksanakan Program Anti-Doping mengikut piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh World Anti-Doping Agency.

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2006 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sejak penubuhannya, KKBS telah memberikan sokongan yang penuh dan padu bagi Program Anti-Doping di NBD terutama dalam menyediakan peruntukan berkenaan pembangunan kapasiti, ujian doping, pendidikan anti-doping di samping menyediakan

kemudahan sebuah bilik di Stadium Negara Hassanal Bolkiah sebagai Pejabat Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam.

Dalam temu bual bersama Timbalan Pengurus Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam, Awang Sukardi bin Kaderi, Jawatankuasa Anti - Doping Brunei Darussalam berperanan untuk merancang, melaksana dan menilai semula Program Anti-Doping di NBD termasuk ujian doping, pendidikan anti-doping, dan pembangunan kapasiti.

Program Anti-Doping yang dirancang adalah untuk memberi khidmat bantu khususnya kepada persekutuan atau persatuan sukan kebangsaan agar mereka faham akan kepentingan kesedaran anti-doping agar mereka yang terlibat di dalam sukan dapat menjaga nama baik dan imej NBD apabila mewakili negara untuk bertanding sama ada di dalam dan luar negara.

Pada masa ini, tambah beliau, Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam memiliki keahlian seramai 20 orang terdiri daripada pegawai-pegawai yang dilantik oleh KKBS untuk menjadi ahli Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam mengikut jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam seperti Bahagian Pentadbiran Anti-Doping dan Pengurusan, Bahagian Ujian Doping, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pegawai Kawalan Doping, Bahagian Pengurusan Keputusan dan Bahagian

Permohonan Pengecualian Terapeutik. Pegawai-pegawai yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dari KKBS; Kementerian Pendidikan; Kementerian Kesihatan; Pejabat Peguam Negara; Biro Kawalan Narkotik dan beberapa agensi swasta.

Berkenaan dengan kesedaran mengenai doping dalam kalangan atlet sukan di negara ini, Awang Sukardi melahirkan rasa syukur kerana kesedaran para atlet semakin meningkat melalui usaha jawatankuasa yang giat melaksanakan program pendidikan dan kempen kesedaran sama ada melalui bersemuka, media dan melalui media sosial. Walau bagaimanapun, inisiatif-inisiatif untuk mengekalkan dan mengukuhkan kesedaran tersebut akan terus dilaksanakan.

Untuk ke depannya, Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam merancang untuk melantik Bahagian Perwakilan Atlet di bawah Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam serta bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi dalam menjalankan kajian-kajian berkenaan anti-doping di NBD khususnya didalam aspek kesedaran anti-doping dalam kalangan para penggiat sukan agar program yang dirancang dapat mencapai hasrat dan mengikuti keadaan semasa.

Baru-baru ini, KKBS melalui Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Perasmian Play True Day 2025.

Play True Day merupakan

salah satu inisiatif oleh World Anti-Doping Agency untuk menyatukan komuniti sukan dalam usaha mendorong keadilan dan integriti yang mana ia dihasrat untuk menentang doping serta menegakkan etika sukan yang mengutamakan nilai kesaksamaan dan kejujuran di atas segalanya.

Antara tujuan Play True Day 2025 yang julung-julung kali diadakan ini adalah, pertama, untuk menanam kesedaran yang mendalam tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai integriti, kejujuran, dan etika dalam setiap aspek sukan.

Kedua, untuk memberi pendekatan dan pengetahuan tentang bahaya doping serta pentingnya pendidikan anti-doping kepada setiap peringkat, dari generasi muda hingga kepada atlet profesional.

Ketiga, untuk menyatukan semua pihak yang terlibat dalam bidang sukan - termasuk pihak berkuasa, pengurusan sukan, atlet, dan komuniti - agar bersama-sama menyemarakkan semangat sukan yang bersih, adil dan bermaruah.

Dan keempat, untuk menjadi landasan mempamerkan kejayaan serta inisiatif yang berpandukan nilai murni, sekali gus mengilhamkan generasi muda agar terus menjaga dan memartabatkan sukan negara.

Melalui aspirasi dan usaha bersama, program ini akan menjadi satu titik tolak untuk perubahan yang lebih mendalam ke arah pembangunan ekosistem sukan yang telus, inovatif dan beretika.





ePaper Pelita Brunei



GERGASI FC BENAM PKT FC 5 - 1

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 9 Mei. - Gergasi FC menang selesa apabila berjaya menewaskan PKT FC 5 - 1 dalam aksi Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 yang berlangsung pagi tadi bertempat di Padang dan Balapan Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Pada perlawanan tersebut, gol pertama Gergasi FC dijaringkan oleh Ezzeldin Ayman pada minit ke-10. Seterusnya pada minit ke-41, sekali lagi pemain Gergasi FC, Haakon Norones berjaya meraih jaringan bagi pasukannya.

Walaupun Gergasi FC mendahului perlawanan namun PKT FC tidak berputus asa dan kemudiannya berjaya menyumbangkan gol dihasilkan oleh Md. Fakhru Radzi pada minit ke-42. Selang beberapa minit kemudian sekali lagi Ezzeldin Ayman menjaringkan gol keduanya pada minit ke-45.

Seterusnya, permainan semakin rancak dengan pemain Gergasi FC terus mengasak PKT FC, yang mana pada minit ke-53, Haakon Norones berjaya menambahkan gol mereka. Selang dua minit kemudian iaitu pada minit ke-55,



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Gergasi FC menentang PKT FC dalam aksi Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 yang berlangsung di Padang dan Balapan Kompleks Sukan Tutong (kiri dan kanan).

Ezzeldin Ayman sekali lagi menyumbangkan gol ketiganya.

Kedudukan 5 - 1 bagi Gergasi FC kekal hingga wisel penamat.

Sebanyak lapan pasukan jemputan mengambil bahagian dalam edisi sulung

liga berkenaan termasuk pasukan luar negara dari Miri FA dan Limbang FA serta beberapa pasukan ternama dari Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong seperti Gergasi FC, Kasuka FC, Suparstriks, PKT FC, Shada FC dan

SS Lun Bawang.

Kejohanan antara lain diharapkan akan berlangsung dengan lancar dan berupaya menjadi medan penting melahirkan bakat-bakat baharu untuk bola sepak kebangsaan.

Kasuka FC, DPMM FC terikat seri 0-0

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mei. - Kasuka FC dan DPMM FC selaku pasukan pelawat, gagal untuk mencipta sebarang jaringan setelah terikat 0 - 0 selepas 90 minit pada perlawanan separuh akhir pusingan pertama Piala FA Brunei 2025, yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB),

baru-baru ini.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling silih berganti mengatur rentak perlawanan, namun permainan lebih didominasi oleh DPMM FC.

Gawang DPMM FC bolos pada minit ke-44 melalui sepakan pemain Kasuka FC,

Mohammad Hanif Aiman Haji Adnan, namun pembantu pengadil telah mengangkat bendera menandakan offside.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, serangan demi serangan terus dihadapi oleh kedua-dua pasukan, namun para pemain nekad untuk terus mempertahankan gawang masing-masing daripada dibolosi oleh pihak lawan.

Kedua-dua pasukan juga terus menggandakan usaha dan asakan untuk mendapatkan gol pendahuluan tetapi percubaan demi percubaan terus menemui jalan buntu.

Dalam usaha untuk mendapatkan

jaringan, pelbagai percaturan dibuat oleh kedua-dua pasukan namun masing-masing gagal menghasilkan sebarang gol sehingga keputusan perlawanan kekal 0 - 0 hingga wisel penamat dibunyikan.

Perlawanan separuh akhir pusingan kedua Piala FA Brunei 2025 di antara Kasuka FC dan DPMM FC akan diadakan pada Ahad, 11 Mei 2025 di SNHB.

Sementara itu, perlawanan separuh akhir pusingan pertama Piala FA Brunei 2025 di antara MS ABDB dan Indera SC diadakan di SNHB pada Rabu, 7 Mei 2025.

Tahukah Awda

PERMULAAN pertandingan membaca Al-Quran diadakan di Masjid Kajang di Jalan Sultan (berhampiran dengan Kubur Dang Ayang) dikelolakan oleh Jawatankuasa Masjid yang terdiri daripada pehlin-pehlin, pegawai masjid serta beberapa orang daripada jemaah-jemaah masjid. Tujuan utama pertandingan tersebut diadakan ialah untuk menyambut kedatangan Awal Tahun Hijrah dan pada awalnya pertandingan hanya terbuka kepada orang-orang dewasa laki-laki sahaja tetapi beberapa tahun kemudian barulah dibuka kepada orang-orang dewasa perempuan serta kanak-kanak lelaki dan perempuan.

SUMBER : Buku Ulang Tahun 10 Tahun Penubuhan IQRA.



ANTARA aksi perlawanan di antara Kasuka FC dan DPMM FC yang berkesudahan 0 - 0 pada perlawanan separuh akhir pusingan pertama Piala FA Brunei 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENEPATI DAN MENYEMPURNAKAN JANJI LAMBANG KEJUJURAN, KEPERCAYAAN, KEBERSIHAN HATI